Melainkan jika dinyatakan sebaliknya, tafsiran di dalam Perjanjian ini adalah seperti berikut –

- (a) resital-resital, mukadimah, klausa-klausa, lampiran-lampiran, kandungan Perjanjian ini dan LAMPIRAN-LAMPIRAN yang berkenaan serta apa-apa dokumen yang dirujuk dalam Perjanjian ini hendaklah dianggap, diambil kira, dibaca dan ditafsirkan sebagai penting dan membentuk sebahagian daripada Perjanjian ini;
- (b) sebarang rujukan kepada resital, mukadimah, klausa, lampiran, kandungan Perjanjian ini dan LAMPIRAN yang berkenaan serta apa-apa dokumen yang dirujuk dalam Perjanjian ini adalah ditafsirkan sebagai rujukan kepada resital, mukadimah, klausa, lampiran, kandungan Perjanjian ini dan LAMPIRAN yang berkenaan serta apa-apa dokumen yang dirujuk dalam Perjanjian ini melainkan jika dinyatakan sebaliknya;
- (c) semua rujukan kepada peruntukan undang-undang adalah termasuk peruntukan yang telah dipinda, disemak dan dicetak semula;
- (d) tajuk dan subtajuk kepada klausa dalam Perjanjian ini adalah hanya untuk mempermudah rujukan sahaja dan tidak harus menjejaskan pentafsiran dan

maksud ayat dalam Perjanjian ini;

- (e) perkataan yang membawa maksud jantina lelaki adalah juga merujuk kepada jantina perempuan dan juga sebaliknya;
- (f) perkataan yang membawa maksud satu boleh juga merujuk kepada jumlah majmuk dan juga sebaliknya;
- (g) perkataan yang merujuk kepada orang perseorangan adalah juga merujuk kepada kumpulan perseorangan, syarikat, perbadanan, firma atau rakan kongsi sama ada diperbadankan ataupun tidak diperbadankan;
- (h) apa-apa perkataan atau ungkapan yang ditakrifkan dalam Perjanjian ini adalah juga termasuk olahan tatabahasa dan ungkapan perkataan yang ditakrifkan;
- (i) sekiranya rujukan berkaitan dengan masa bagi sesuatu perbuatan yang harus dilakukan atau sesuatu persetujuan dicapai atau kebenaran diberikan, rujukan tersebut harus dianggap dibaca bersama ungkapan tersebut atau “mana-mana tempoh yang dipersetujui secara bertulis antara Pihak-Pihak dalam Perjanjian ini dari semasa ke semasa”;
- (j) apa-apa syarat atau terma teknikal yang tidak ditakrifkan secara khusus dalam Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan menurut penggunaan atau definisi yang biasa diterima oleh mereka yang terlibat di dalam bidang dan industri ini di Malaysia;
- (k) apa-apa rujukan kepada “hari bekerja” bagi **DATUK BANDAR** hendaklah merujuk kepada hari Isnin hingga Jumaat bagi mana-mana negeri yang cuti hujung minggunya jatuh pada hari Sabtu dan Ahad dan hari Ahad hingga Khamis bagi mana-mana negeri yang cuti hujung minggunya jatuh pada hari Jumaat dan Sabtu;
- (l) apa-apa rujukan kepada kaedah secara bertulis atau notis adalah termasuk sebarang komunikasi yang dihantar secara pos berdaftar berbayar, kabel, faksimili, mel elektronik atau cara lain yang sama dengannya;
- (m) perkataan “termasuk” hendaklah memberikan makna atau tafsiran apa-apa perkara lain berkenaan dengan Perjanjian ini atau Perkhidmatan selain daripada

perkara-perkara yang dinyatakan selepas perkataan itu dan perkara-perkara yang dinyatakan selepas perkataan itu adalah antara sebahagian daripada contoh-contoh mengikut mana yang berkenaan;

- (n) mana-mana rujukan kepada “hari”, “minggu”, “bulan” atau “tahun” adalah merupakan rujukan kepada hari, minggu, bulan dan tahun tersebut menurut kalendar Gregory;
- (o) apa-apa rujukan kepada “kelulusan” atau “kebenaran” hendaklah bermaksud kelulusan atau kebenaran secara bertulis, melainkan jika dinyatakan sebaliknya;
- (p) apa-apa rujukan kepada “Kedua-dua Pihak” hendaklah merujuk kepada pihak-pihak di dalam Perjanjian ini;
- (q) apa-apa LAMPIRAN, lampiran, dokumen, nota atau penerangan yang dirujuk dalam Perjanjian ini dan apa-apa pindaan, perubahan, penambahan atau modifikasi bertulis padanya hendaklah ditafsirkan dan dibaca sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini; dan
- (r) pernyataan “Perjanjian”, “Kontrak” atau pernyataan lain yang sama hendaklah mengandungi klausa yang terkandung dalam Perjanjian ini dan termasuk apa-apa pindaan, perubahan, penambahan atau modifikasi dan perjanjian tambahan secara bertulis padanya.

## 2. SKOP PERJANJIAN

**DATUK BANDAR** bersetuju melantik **KONTRAKTOR** untuk melaksanakan Perkhidmatan tersebut dan **KONTRAKTOR** bersetuju menerima pelantikan tersebut di atas terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Perjanjian. Pihak-pihak bersetuju bahawa **KONTRAKTOR** akan bertanggungjawab sepenuhnya dalam melaksanakan Perkhidmatan tersebut dengan berdasarkan kepada SST dan Surat Arahan Mula Kerja yang mana kesemuanya adalah meliputi keseluruhan Perjanjian ini.

## 3. BAYARAN HARGA PERKHIDMATAN

3.1 Bagi maksud Perjanjian ini dan tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat dan terma-terma Perjanjian oleh **KONTRAKTOR**, **DATUK BANDAR** bersetuju

membayar kepada **KONTRAKTOR** sejumlah **RINGGIT MALAYSIA**< jumlah **harga ditulis dengan perkataan**> (**RM**<ditulis dengan angka>) **SAHAJA** (“Bayaran Perkhidmatan”) sebagai balasan kepada pelaksanaan Perkhidmatan tersebut oleh **KONTRAKTOR** di bawah Perjanjian ini.

3.2 Tertakluk kepada subklausu 3.1 di atas, **DATUK BANDAR** hendaklah membayar kepada **KONTRAKTOR** untuk Perkhidmatan tersebut dalam tempoh masa empat belas (14) hari selepas dokumen-dokumen berikut diterima dengan lengkap dan sempurna oleh **DATUK BANDAR** :

- a) dua (2) salinan invois termasuk satu (1) salinan asal;
- b) satu (1) salinan borang pesanan;
- c) perakuan Perkhidmatan tersebut yang telah ditandatangani oleh Pegawai Penguasa sebagai pengesahan bahawa Perkhidmatan tersebut telah dilaksanakan dengan baik dan memuaskan;
- d) dokumentasi lain yang akan ditentukan oleh **DATUK BANDAR** (sekiranya ada).

3.3 Pembayaran akan dibuat berdasarkan Perkhidmatan yang telah dilaksanakan dengan sempurna dan disahkan memenuhi Skop Kerja oleh **DATUK BANDAR**.

3.4 Walau apa jua yang dinyatakan di bawah Perjanjian ini, **DATUK BANDAR** tidak terikat untuk menggunakan semua Bayaran Perkhidmatan dalam tempoh kuat kuasa Perjanjian ini dan Pihak-Pihak bersetuju bahawa **DATUK BANDAR** sentiasa mempunyai hak pada bila-bila masa untuk menilai semula atau mengurangkan Bayaran Perkhidmatan dari semasa ke semasa bergantung kepada ketersediaan peruntukan **DATUK BANDAR**.

3.5 Pembayaran kepada **KONTRAKTOR** tidak boleh dianggap sebagai perakuan bahawa Perkhidmatan tersebut dilaksanakan mengikut terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini. Pembayaran oleh **DATUK BANDAR** tidak melepaskan **KONTRAKTOR** atas tanggungjawabnya di bawah klausa lain yang berkaitan di bawah Perjanjian ini.

### 3.6 Denda Bagi Pengemukakan Lewat Invois dan Pesanan Penghantaran

Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan invois dan dokumen yang dinyatakan di subklausu 3.2 di atas dalam tempoh yang ditetapkan, **KONTRAKTOR** bersetuju bahawa satu denda yang bersamaan dengan lima peratus (5%) daripada jumlah tuntutan yang dinyatakan dalam setiap invois akan dikenakan kepada **KONTRAKTOR**.

3.7 Bayaran yang akan dibuat oleh **DATUK BANDAR** kepada **KONTRAKTOR** menurut Klausu 3.1 di atas adalah merupakan bayaran muktamad dan mengikut jumlah Perkhidmatan yang dilaksanakan. **DATUK BANDAR** tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa caj, duti atau kos tambahan sebaik sahaja bayaran menurut Klausu 3.1 dijelaskan sepenuhnya. **KONTRAKTOR** juga bersetuju untuk tidak membuat permohonan untuk menaikkan kadar bayaran atau tuntutan lain dalam Tempoh Perjanjian ini.

3.8 **DATUK BANDAR** juga berhak memotong sama ada kesemua atau sebahagian daripada apa-apa bayaran atau mana-mana wang yang perlu dibayar kepada **KONTRAKTOR** oleh **DATUK BANDAR** akibat daripada apa-apa keingkaran atau kemungkiran di bawah Perjanjian ini oleh **KONTRAKTOR**.

## 4. TEMPOH PERJANJIAN DAN PELANJUTAN

### 4.1 Tempoh Perjanjian

Tanpa mengira tarikh Perjanjian ini ditandatangani, Tempoh Perjanjian ini adalah selama **tiga (3) tahun** (kemudian daripada ini disebut sebagai "Tempoh Perjanjian"), dan hendaklah disifatkan mula berkuat kuasa mulai **<tarikh mula>** (kemudian daripada ini disebut sebagai "Tarikh Mula") hingga **<tarikh akhir>** (kemudian daripada ini disebut sebagai "Tarikh Tamat") melainkan Perjanjian ini dilanjutkan atau ditamatkan lebih awal selaras dengan peruntukan dalam Perjanjian ini.

### 4.2 Lanjutan Tempoh Perjanjian

(a) Sekiranya **DATUK BANDAR** mengambil keputusan untuk membuat

lanjutan kepada Tempoh Perjanjian, **DATUK BANDAR** hendaklah memberi notis bertulis mengenainya dalam masa tiga (3) bulan sebelum Tarikh Tamat Perjanjian kepada **KONTRAKTOR** dan **KONTRAKTOR** hendaklah melanjutkan Tempoh Perjanjian sebagaimana yang diperlukan oleh **DATUK BANDAR** menurut terma dan syarat yang dipersetujui oleh kedua-dua Pihak.

- (b) Sekiranya **KONTRAKTOR** berhasrat untuk melanjutkan Tempoh Perjanjian, **KONTRAKTOR** hendaklah memberi notis bertulis kepada **DATUK BANDAR** mengenainya dalam masa tiga (3) bulan sebelum Tarikh Tamat Perjanjian. Setelah menerima permohonan tersebut, **DATUK BANDAR** mempunyai hak mutlak dalam menentukan permohonan lanjutan tersebut dan apa-apa lanjutan yang dipersetujui akan dibuat menurut terma dan syarat yang dipersetujui oleh Kedua-dua Pihak. Bagi mengelakkan kekeliruan, **DATUK BANDAR** tidak akan mempertimbangkan sebarang notis bertulis yang dikemukakan oleh **KONTRAKTOR** kurang dari tiga (3) bulan dan adalah tertakluk kepada Ganti Rugi Tetap di Klausula 11 Perjanjian ini.

4.3 Sekiranya Kedua-dua Pihak bersetuju untuk melanjutkan Tempoh Perjanjian, pelanjutan tersebut hendaklah dibuat melalui suatu perjanjian tambahan yang akan ditandatangani oleh Kedua-dua Pihak.

4.4 Sekiranya Kedua-dua Pihak gagal mencapai persetujuan bagi pelanjutan Tempoh Perjanjian, Perjanjian ini hendaklah tamat serta merta pada Tarikh Tamat Perjanjian.

4.5 Adalah dipersetujui bahawa, sebarang tambahan kos yang timbul akibat daripada lanjutan tempoh masa tersebut hendaklah dibiayai sepenuhnya oleh **KONTRAKTOR**.

## 5. BON PELAKSANAAN

5.1 **KONTRAKTOR** dengan ini mengemukakan kepada **DATUK BANDAR** suatu Bon Pelaksanaan bernilai **RINGGIT MALAYSIA <jumlah dalam perkataan> (RM<dalam angka>) SAHAJA** yang merupakan 2.5%/5% daripada Bayaran Harga Perkhidmatan tersebut yang tidak boleh dibatalkan daripada sebuah

bank/institusi kewangan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh surat pengesahan penerimaan SST. Tempoh sah laku Bon Pelaksanaan hendaklah berkuat kuasa dari tarikh mula Tempoh Perjanjian ini sehingga DUA BELAS (12) BULAN selepas Tarikh Tamat Tempoh Perjanjian ini atau tarikh pelaksanaan terakhir Perkhidmatan tersebut, mengikut mana-mana yang terkemudian (selepas ini dirujuk sebagai “Tempoh Penguatkuasaan Bon Pelaksanaan”). Salinan bagi Bon Pelaksanaan adalah seperti di **LAMPIRAN 4**.

- 5.2 Walau apa pun yang terkandung di dalam Perjanjian ini, **DATUK BANDAR** berhak pada setiap masa untuk memanggil sebahagian atau keseluruhan Bon Pelaksanaan sekiranya **KONTRAKTOR** gagal untuk melaksanakan atau memenuhi obligasinya di bawah Perjanjian ini atau sekiranya **KONTRAKTOR** memungkiri mana-mana terma atau syarat Perjanjian ini.
- 5.3 Sekiranya bayaran dibuat kepada **DATUK BANDAR** berikutan daripada apa-apa tuntutan terhadap Bon Pelaksanaan, **KONTRAKTOR** hendaklah mengemukakan satu Bon Pelaksanaan tambahan bagi jumlah yang tidak kurang dari amaun yang dibayar kepada **DATUK BANDAR** supaya amaun Bon Pelaksanaan kekal sepertimana yang dinyatakan pada subklausu 5.1.
- 5.4 Sekiranya satu tempoh lanjutan dibenarkan dan diluluskan oleh **DATUK BANDAR** di bawah Klausu 4.2, **KONTRAKTOR** hendaklah memperbaharui Tempoh Penguatkuasaan Bon Pelaksanaan sebelum tamatnya Tempoh Penguatkuasaan Bon Pelaksanaan yang pertama.
- 5.5 Bon Pelaksanaan (atau sebarang baki yang tinggal sebagai kredit bagi **KONTRAKTOR**) hendaklah dilepaskan sewaktu tamat Tempoh Penguatkuasaan Bon Pelaksanaan dan hendaklah dikembalikan tanpa faedah kepada **KONTRAKTOR** selepas tarikh tamat Tempoh Penguatkuasaan Bon Pelaksanaan.

## 6. REPRESENTASI DAN WARANTI

- 6.1 **KONTRAKTOR** dengan ini membuat representasi dan waranti kepada **DATUK BANDAR** bahawa –

- (a) **KONTRAKTOR** adalah sebuah syarikat yang sah ditubuhkan di bawah undang-undang Malaysia;
- (b) **KONTRAKTOR** mempunyai kapasiti di sisi undang-undang untuk memasuki dan melaksanakan obligasinya-obligasinya di bawah Perjanjian ini dan untuk menjalankan apa-apa transaksi dan menjalankan perniagaannya sebagaimana yang dihasratkan oleh Perjanjian ini;
- (c) pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Perjanjian, pelaksanaan Perjanjian ini tidak menyalahi sebarang peruntukan sama ada –
  - (i) Memorandum dan Artikel Persatuannya atau Perniagaannya; atau
  - (ii) mana-mana dokumen atau perjanjian yang mengikatnya atau asetnya;
- (d) tiada tindakan litigasi, timbang tara, tuntutan cukai, pertikaian, liabiliti, indemniti atau apa-apa tindakan pentadbiran pada masa ini sedang diambil atau akan diambil atau pada pengetahuannya diancam akan diambil yang akan menyebabkan kesan yang teruk terhadap keupayaannya untuk melaksanakan obligasi kewangan atau obligasi lainnya di bawah Perjanjian ini;
- (e) **KONTRAKTOR** telah mengambil langkah yang patut dan perlu untuk membolehkannya menandatangani Perjanjian ini dan seterusnya melaksanakan klausa, terma, syarat dan peruntukan yang terkandung di dalam Perjanjian ini;
- (f) Perjanjian ini merupakan suatu obligasi **KONTRAKTOR** yang sah, sah dan mengikat serta boleh dikuatkuasakan menurut terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini;
- (g) **KONTRAKTOR** mempunyai kemahiran dan kepakaran bagi melaksanakan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan di bawah Perjanjian ini;
- (h) **KONTRAKTOR** mempunyai pegawai dan kakitangan yang kompeten dalam melaksanakan Perkhidmatan tersebut;

- (i) **KONTRAKTOR** mempunyai kemampuan kewangan dan teknikal yang cukup untuk melaksanakan Perjanjian ini;
- (j) tiada sebarang perbuatan rasuah, aktiviti haram atau menyalahi undang-undang telah digunakan untuk mendapatkan hak untuk melaksanakan Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini;
- (k) **KONTRAKTOR** tidak mempunyai apa-apa pengetahuan, pada tarikh Perjanjian ini, tentang apa-apa perkara di dalam kawalan semunasabah yang mungkin atau akan sebaliknya menjejaskan keupayaan untuk menjalankan obligasinya di bawah Perjanjian ini; dan

**KONTRAKTOR** mengakui bahawa **DATUK BANDAR** memasuki Perjanjian ini atas keyakinan representasi dan waranti di atas.

6.2 **KONTRAKTOR** selanjutnya membuat representasi dan waranti kepada **DATUK BANDAR** bahawa representasi dan waranti yang dinyatakan dalam Klausula 6.1 di atas hendaklah kekal benar dan tepat dalam semua aspek material sepanjang Tempoh Perjanjian.

## 7. OBLIGASI KONTRAKTOR

### 7.1 Am

**KONTRAKTOR** hendaklah –

- (a) melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik berdasarkan amalan pengurusan yang baik, mengutamakan kepentingan **DATUK BANDAR** dan hendaklah mematuhi undang-undang semasa;
- (b) melaksanakan tanggungjawabnya di bawah Perjanjian ini dengan mematuhi kesemua undang-undang yang berkaitan;
- (c) menyempurnakan Perjanjian ini serta bertanggungjawab ke atas tugas, liabiliti, dan tanggungjawab yang tertera di dalam Perjanjian ini serta sentiasa memelihara kepentingan **DATUK BANDAR**;

- (d) tidak boleh berkelakuan buruk sehingga boleh menjatuhkan reputasi **DATUK BANDAR** semasa melaksanakan Perkhidmatan tersebut;
- (e) tidak akan membuat permohonan untuk menaikkan harga di dalam apa-apa keadaan sekalipun dalam Tempoh Perjanjian;
- (f) memberitahu **DATUK BANDAR** dengan serta-merta apabila **KONTRAKTOR** menerima Perintah Kebankrapan atau Perintah Penggulangan, dan dalam keadaan **KONTRAKTOR** hendak menghentikan perniagaan mereka, **KONTRAKTOR** hendaklah memberitahu **DATUK BANDAR** sekurang-kurangnya TIGA PULUH (30) HARI sebelum perniagaannya dihentikan;
- (g) memastikan apa-apa isu yang mungkin berbangkit antara **KONTRAKTOR** dengan mana-mana pihak ketiga berkaitan dengan Perkhidmatan, dan apa-apa perkara lain, hendaklah ditangani dan diselesaikan oleh **KONTRAKTOR** dan tidak boleh dikaitkan dengan **DATUK BANDAR** dengan apa cara jua atau menjejaskan kepentingan **DATUK BANDAR**;
- (h) memaklumkan kepada **DATUK BANDAR** secara bertulis dengan serta merta apabila berlaku apa-apa faktor atau kejadian yang boleh menjejaskan pelaksanaan Perkhidmatan ini;
- (i) memastikan bahawa pekerja, ejen-ejen atau mana-mana pihak yang bertindak bagi pihak **KONTRAKTOR** tidak secara sengaja mengambil atau merosakkan peralatan pejabat dan barang-barang di dalam premis **DATUK BANDAR** dalam apa-apa juga keadaan;
- (j) melaksanakan Perkhidmatan dengan memuaskan hati **DATUK BANDAR** menurut terma-terma dan syarat-syarat di bawah Perjanjian ini;
- (k) mematuhi segala arahan yang dikeluarkan oleh Datuk Bandar atau wakil **DATUK BANDAR** dari semasa ke semasa sama ada secara bertulis atau lisan berhubung dengan pelaksanaan Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini.
- (l) memastikan semua kakitangan dan personel **KONTRAKTOR** dan pihak ketiga mematuhi semua arahan dan peraturan yang berkuatkuasa di premis

**DATUK BANDAR;**

- (m) membenarkan **DATUK BANDAR** untuk membuat pemeriksaan pada bila-bila masa bagi memastikan Perkhidmatan tersebut disempurnakan dengan baik; dan
- (n) menyediakan pada tiap-tiap penyempurnaan Perkhidmatan tersebut dengan memberi satu laporan dan perakuan bertulis mengikut format yang ditentukan oleh Datuk Bandar bagi tujuan menentukan kualiti Perkhidmatan tersebut agar ianya selaras dengan Skop Perkhidmatan yang telah ditetapkan yang telah dilaksanakan.

7.2 Pelaksanaan Perkhidmatan

**KONTRAKTOR** hendaklah –

- (a) melaksanakan Perkhidmatan tersebut mengikut Skop Kerja yang ditentukan di **LAMPIRAN 3**;
- (b) menyediakan Perkhidmatan tersebut tepat pada masanya, cekap dan profesional dengan menepati, mematuhi terma-terma dan syarat-syarat sepertimana yang terkandung dalam Perjanjian ini;
- (c) memastikan bahawa semua kakitangan **KONTRAKTOR** yang terlibat mempunyai kelayakan yang sesuai dan berpengalaman dan bertindak dengan sebaik-baiknya;
- (d) hendaklah pada setiap masa bersedia dan mempunyai kepakaran, keupayaan, pengetahuan dan tenaga kerja yang mencukupi serta mempunyai permit kerja yang sah untuk menyediakan Perkhidmatan tersebut;
- (e) memastikan hanya pegawai yang kompeten sahaja melaksanakan Perkhidmatan tersebut dan memastikan semua keperluan berkaitan dengan piawaian keselamatan dipatuhi oleh **KONTRAKTOR**;
- (f) memberi jaminan bahawa semua barangan yang dibekalkan atau

dipinjamkan kepada **DATUK BANDAR**, sekiranya ada, dalam menjalankan Perkhidmatan tersebut adalah dimiliki oleh **KONTRAKTOR** dan tidak melanggar undang-undang yang berkaitan dengan paten atau hak cipta harta intelek, dan **KONTRAKTOR** bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya terjadi apa-apa tuntutan daripada pelanggaran paten dan hak cipta harta intelek itu dan akan menyelesaikan apa-apa tuntutan dengan tanpa menjejaskan kepentingan **DATUK BANDAR**;

- (c) mematuhi dan melaksanakan Perjanjian Tahap Perkhidmatan di dalam **LAMPIRAN 6**; dan
- (d) mengganti rugi **DATUK BANDAR** atas apa-apa kerosakan yang berlaku ke atas Perkhidmatan tersebut yang berpunca daripada kelalaian, kecuaiian atau perbuatan sengaja oleh **KONTRAKTOR**, pekerjanya, ejen-ejenjnya atau mana-mana pihak yang bertindak bagi pihaknya.

### 7.3 Insurans

Dengan kos dan perbelanjaan sendiri, **KONTRAKTOR** mengemukakan insurans yang sah laku di sepanjang Tempoh Perjanjian di atas nama Datuk Bandar serta membayar apa-apa premium insurans yang berkaitan Perkhidmatan tersebut. Salinan polisi insurans yang sah dilampirkan di **LAMPIRAN 5** Perjanjian ini. Kewajipan **KONTRAKTOR** dalam mengemukakan insurans adalah turut meliputi :-

- (a) Polisi Insurans Pampasan Pekerja (“Workmen’s Compensation Insurance”), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Pekerja (PERKESO); dan
- (b) Polisi Perlindungan Keseluruhan Kontraktor (*Contractor’s All Risk Policy*) termasuk (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta) untuk tiap-tiap kejadian bencana.

## 8. OBLIGASI DATUK BANDAR

**DATUK BANDAR** hendaklah –

- (a) tertakluk kepada pematuhan **KONTRAKTOR** terhadap terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini, membuat pembayaran bagi Perkhidmatan yang dilaksanakan oleh **KONTRAKTOR** menurut peruntukan Perjanjian ini;
- (b) membenarkan **KONTRAKTOR** dan ejen-ejen yang diberi kuasa, berserta atau tanpa pekerja-pekerja lain pada masa yang sesuai dan setelah notis bertulis yang munasabah diberikan terlebih dahulu masuk dan melaksanakan Perkhidmatan tersebut tertakluk kepada **KONTRAKTOR** mematuhi peraturan dan arahan **DATUK BANDAR**; dan
- (c) tidak membenarkan pihak lain selain daripada **KONTRAKTOR** untuk menjalankan Perkhidmatan tersebut melainkan wujudnya keadaan di mana pihak **KONTRAKTOR** gagal menjalankan Perkhidmatan tersebut menurut terma-terma dan syarat-syarat di dalam Perjanjian ini.

## 9. HAK DATUK BANDAR MEMOTONG DARIPADA WANG YANG PERLU DIBAYAR KEPADA KONTRAKTOR (SET OFF)

- 9.1 Sekiranya **KONTRAKTOR** gagal atau enggan membayar suatu amaun penalti, ganti rugi, pampasan atau lain-lain tuntutan yang dikenakan terhadap **KONTRAKTOR** menurut Perjanjian ini, maka **DATUK BANDAR** berhak memotong daripada apa-apa wang yang perlu dibayar oleh **DATUK BANDAR** kepada **KONTRAKTOR** bagi maksud pembayaran tersebut dan sekiranya wang yang perlu dibayar oleh **DATUK BANDAR** kepada **KONTRAKTOR** itu tidak mencukupi bagi menampung tuntutan **DATUK BANDAR**, **DATUK BANDAR** berhak menuntut baki tuntutan itu terus daripada **KONTRAKTOR** dan **KONTRAKTOR** hendaklah membuat pembayaran selewat-lewatnya empat belas (14) hari selepas menerima tuntutan itu. Klausula 9 ini hendaklah terus berkuat kuasa walaupun Perjanjian ini tamat atau ditamatkan.
- 9.2 Kegagalan atau keengganan **KONTRAKTOR** membayar kos, pampasan atau penalti di bawah Perjanjian ini memberi hak kepada **DATUK BANDAR** untuk merampas Bon Pelaksanaan.

## 10. GANTI RUGI TETAP (*LIQUIDATED ASCERTAINED DAMAGES*)

10.1 Bagi hal Perkhidmatan tersebut yang lewat dilaksanakan, tanpa prejudis kepada lain-lain remedi yang diperuntukkan di bawah Perjanjian ini, **DATUK BANDAR** berhak untuk mengenakan Ganti Rugi Tetap sebanyak **RM<ditulis dengan perkataan dan nombor>** sehari bagi setiap hari kelewatan sehingga Perkhidmatan tersebut dilaksanakan dengan sempurna. Bayaran Ganti Rugi Tetap boleh dituntut daripada **KONTRAKTOR** sebagai suatu hutang atau **DATUK BANDAR** berhak memotong Ganti Rugi Tetap itu daripada mana-mana bayaran yang kena dibayar kepada **KONTRAKTOR** oleh **DATUK BANDAR** di bawah Perjanjian ini.

10.2 Sekiranya **KONTRAKTOR** berhasrat untuk memohon lanjutan masa bagi membekalkan Perkhidmatan tersebut yang lewat diserahkan seperti yang dinyatakan di Klausula 4.2(ii) di atas, **DATUK BANDAR** mempunyai hak mutlak dalam menentukan pelanjutan masa tersebut dan apa-apa lanjutan yang dipersetujui akan dibuat menurut terma dan syarat yang dipersetujui oleh Kedua-dua Pihak. **DATUK BANDAR** boleh mempertimbangkan untuk memberikan lanjutan masa tanpa mengenakan sebarang denda tetapi sekiranya denda dikenakan sepertimana yang tertera di subklausula 10.1, **DATUK BANDAR** hendaklah menyerahkan notis untuk tujuan tersebut kepada **KONTRAKTOR**.

## 11. KEPERLUAN TAHAP PERKHIDMATAN

### 11.1 Tahap Perkhidmatan

**KONTRAKTOR** hendaklah melaksanakan Perkhidmatan mengikut terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini serta mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh **DATUK BANDAR** dalam Keperluan Tahap Perkhidmatan di **Lampiran 6**.

### 11.2 Penyerahan laporan

**KONTRAKTOR** hendaklah menyediakan dan mengemukakan laporan mengikut tempoh masa yang dinyatakan bagi tujuan rekod dan/atau maklumat **DATUK BANDAR** serta penilaian prestasi **KONTRAKTOR** yang juga akan menjadi asas bagi pengiraan pengenaan penalti yang telah ditetapkan di bawah klausula 11.3.

### 11.3 Penentuan kadar pengenaan penalti

Tanpa menjejaskan hak **DATUK BANDAR** untuk mengambil tindakan di bawah Klausa 13 Perjanjian ini, Pihak-pihak bersetuju bahawa **DATUK BANDAR** akan mempunyai hak untuk memotong jumlah yang dikira mengikut formula yang dinyatakan dalam Keperluan Tahap Perkhidmatan di **Lampiran 6** dalam bentuk pemotongan prestasi yang ditentukan dalam keadaan di mana prestasi Perkhidmatan gagal memenuhi penunjuk prestasi utama sebagaimana yang dinyatakan dalam Keperluan Tahap Perkhidmatan di **Lampiran 6**. **KONTRAKTOR** dengan ini bersetuju bahawa **DATUK BANDAR** akan mempunyai hak untuk memotong prestasi yang ditentukan dari mana-mana wang yang kena bayar atau akan dibayar kepada **KONTRAKTOR** di bawah Perjanjian ini dan jika tidak berjaya dipotong, pemotongan sedemikian akan diambil dari Bon Pelaksanaan atau sebagai hutang yang terhutang daripada **KONTRAKTOR**.

## 12. HAK DATUK BANDAR APABILA MANA-MANA BAHAGIAN DARIPADA PERKHIDMATAN TERSEBUT TIDAK DISIAPKAN

12.1 Sekiranya **KONTRAKTOR** gagal atau enggan untuk melaksanakan keseluruhan atau sebahagian daripada Perkhidmatan tersebut, **DATUK BANDAR** tanpa prejudis kepada remedi-remedi lain yang diperuntukkan di bawah Perjanjian ini, berhak untuk melantik mana-mana pihak ketiga untuk melaksanakan keseluruhan atau sebahagian Perkhidmatan yang gagal atau enggan dilaksanakan oleh **KONTRAKTOR** dan semua kos yang sepatutnya dibayar oleh **DATUK BANDAR** kepada pihak ketiga itu hendaklah ditolak daripada kos yang sepatutnya dibayar kepada **KONTRAKTOR**.

12.2 Jika harga bagi mendapatkan apa-apa Perkhidmatan daripada pihak ketiga tersebut melebihi harga dalam Perjanjian ini, **KONTRAKTOR** hendaklah membayar amaun yang lebih itu sebagai pampasan kepada **DATUK BANDAR**. Kegagalan atau keengganan **KONTRAKTOR** membayar pampasan itu memberi hak kepada **DATUK BANDAR** untuk merampas Bon Pelaksanaan.

12.3 Bagi tujuan klausa ini, maksud 'gagal atau enggan' hendaklah secara keseluruhannya ditentukan oleh **DATUK BANDAR**. Segala penentuan tersebut adalah muktamad dan konklusif dan tidak boleh dicabar oleh **KONTRAKTOR**.

### 13. PENAMATAN

#### 13.1 Penamatan oleh **DATUK BANDAR** atas Kemungkiran Perjanjian

Sekiranya **KONTRAKTOR** tanpa apa-apa sebab yang munasabah :-

- (a) menangguhkan pelaksanaan Perkhidmatan tersebut daripada masa yang ditetapkan; atau
- (b) menggantung pelaksanaan keseluruhan atau mana-mana bahagian Perkhidmatan tersebut; atau
- (c) gagal melaksanakan Perkhidmatan tersebut secara tekun dan berterusan; atau
- (d) gagal menjalankan obligasi dan tanggungjawab seperti yang dipersetujui di dalam Perjanjian ini; atau
- (e) melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat atau terma Perjanjian ini; atau
- (f) mengabaikan secara berterusan dalam mematuhi apa-apa arahan bertulis atau lisan daripada **DATUK BANDAR**,

**DATUK BANDAR** boleh memberi notis bertulis kepada **KONTRAKTOR** dengan menyatakan butiran mengenai kemungkiran itu dan meminta **KONTRAKTOR** untuk meremedikannya dalam tempoh **empat belas (14) hari** selepas tarikh notis itu. Sekiranya **KONTRAKTOR** gagal untuk meremedikan kemungkiran itu dalam tempoh tersebut atau mana-mana tempoh lain yang ditetapkan oleh **DATUK BANDAR**, **DATUK BANDAR** berhak menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa selepas itu dengan memberi notis untuk tujuan itu dan merampas Bon Pelaksanaan.

#### 13.2 Penamatan Oleh **DATUK BANDAR** Atas Kemungkiran Am

Sekiranya pada bila-bila masa dalam Tempoh Perjanjian –

- (a) suatu perintah atau resolusi dibuat untuk menggulungkan **KONTRAKTOR**,

kecuali untuk tujuan pembentukan semula atau penggabungan yang tidak melibatkan pelupusan aset yang mana kepentingan pemiutang adalah terpelihara;

- (b) **KONTRAKTOR** digulungkan atau pegawai penerima dilantik untuk menguruskan aset **KONTRAKTOR** atau **KONTRAKTOR** menyerahkan atau membuat apa-apa penyelesaian dengan pemiutang-pemiutangnya atau memberhentikan pembayaran atau tidak berkemampuan untuk membayar hutang;
- (c) pelaksanaan dibuat terhadap sebahagian besar aset **KONTRAKTOR** kecuali ia telah memulakan tindakan dengan suci hati untuk mengeneipkan pelaksanaan tersebut;
- (d) **KONTRAKTOR** memberi kontrak kecil, memindah milik atau menyerahkan Perjanjian ini untuk dilaksanakan oleh pihak lain, tanpa persetujuan bertulis **DATUK BANDAR**;
- (e) suatu proses tahanan atau pelaksanaan atau proses-proses lain mahkamah yang berbidang kuasa telah dikenakan ke atas atau dikeluarkan kepada **KONTRAKTOR** atau terhadap mana-mana aset **KONTRAKTOR**; atau
- (f) berlaku atau berterusan berlaku apa-apa perkara atau keadaan lain berdasarkan pandangan munasabah oleh **DATUK BANDAR** akan menjejaskan keupayaan **KONTRAKTOR** atau menjadikan **KONTRAKTOR** tidak berupaya untuk melaksanakan Perkhidmatan tersebut di bawah Perjanjian ini,

**DATUK BANDAR** hendaklah berhak untuk menamatkan Perjanjian ini dengan memberi notis bertulis mengenai penamatan kepada **KONTRAKTOR** dan dengan itu Perjanjian ini hendaklah tamat dengan serta-merta.

### 13.3 Penamatan oleh **DATUK BANDAR** Atas Sebab Rasuah atau Aktiviti-Aktiviti yang Menyalahi Undang-Undang

- (a) Tanpa prejudis ke atas mana-mana hak **DATUK BANDAR** yang lain, sekiranya **KONTRAKTOR**, atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau

bertindak bagi pihaknya, sama ada dengan atau di luar pengetahuan **KONTRAKTOR** telah terbabit dengan kesalahan rasuah atau apa-apa aktiviti yang tidak sah atau menyalahi undang-undang berhubung dengan Perjanjian ini atau mana-mana perjanjian lain yang dimeterai antara **DATUK BANDAR** dan **KONTRAKTOR** tersebut, sekiranya ada, **DATUK BANDAR** berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis serta-merta kepada **KONTRAKTOR** bagi maksud itu.

- (b) Bagi mengelakkan keraguan, Kedua-dua Pihak dengan ini bersetuju bahawa **KONTRAKTOR** tidak berhak ke atas apa-apa bentuk kerugian termasuklah kehilangan keuntungan, ganti rugi, tuntutan atau apa-apa pun berikutan daripada penamatan Perjanjian ini.

#### 13.4 Penamatan atas sebab kepentingan awam

- (a) Walau apa pun peruntukan di bawah Perjanjian ini, **DATUK BANDAR** boleh menamatkan Perjanjian ini dengan memberikan notis tidak kurang daripada TIGA PULUH (30) HARI kepada **KONTRAKTOR** (tanpa apa-apa obligasi untuk menyatakan alasan berbuat demikian) setelah mempertimbangkan bahawa penamatan itu perlu untuk kepentingan awam, kepentingan keselamatan negara atau sebab polisi **DATUK BANDAR** atau polisi awam.
- (b) Bagi tujuan klausa ini, apa yang mewujudkan “kepentingan awam”, “keselamatan negara”, “polisi **DATUK BANDAR**” dan “polisi awam” hendaklah secara keseluruhannya dibuat dan ditentukan oleh **DATUK BANDAR** sepenuhnya. Segala penentuan tersebut adalah muktamad dan konklusif dan tidak boleh dicabar oleh **KONTRAKTOR**.
- (c) Kedua-dua Pihak bersetuju bahawa **KONTRAKTOR** tidak layak untuk menuntut apa-apa bentuk ganti rugi termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan atau apa-apa tuntutan lain berbangkit daripada penamatan Perjanjian ini.
- (d) Sekiranya penamatan dibuat di bawah subklausa 13.4 ini, maka peruntukan di bawah subklausa 13.5 akan terpakai.

### 13.5 Kesan-kesan Penamatan oleh **DATUK BANDAR**

Dalam keadaan di mana Perjanjian ini ditamatkan di bawah Klausa 13.1 hingga 13.4 –

- (a) semua kuasa, obligasi dan hak yang diberikan kepada **KONTRAKTOR** di bawah Perjanjian ini hendaklah tamat dengan serta merta;
- (b) **DATUK BANDAR** hendaklah–
  - (i) berhak menuntut daripada **KONTRAKTOR** ganti rugi, kerugian kos dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh **DATUK BANDAR** akibat penamatan Perjanjian ini;
  - (ii) hendaklah membayar kepada **KONTRAKTOR** apa-apa bayaran yang terhutang dan perlu dibayar setakat tarikh notis penamatan Perjanjian;
  - (iii) mempunyai hak untuk menawarkan syarikat lain bagi tujuan menjalankan dan menyelesaikan Perkhidmatan yang mana **KONTRAKTOR** hendaklah membayar kepada **DATUK BANDAR** apa-apa kos dan perbelanjaan tambahan yang wujud dan yang mana sepatutnya dibayar kepada **KONTRAKTOR** sekiranya Perjanjian ini tidak ditamatkan;
  - (iv) Datuk Bandar berhak merampas keseluruhan Bon Pelaksanaan dan menggunakan serta membuat apa-apa bayaran daripadanya;
  - (iii) segala kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh **DATUK BANDAR** bagi melantik **KONTRAKTOR** yang baharu untuk menyempurnakan Perkhidmatan hendaklah ditanggung sepenuhnya dan dibiayai oleh **KONTRAKTOR** dan **DATUK BANDAR** berhak membuat tuntutan kepada **KONTRAKTOR** sebagai satu hutang yang boleh dituntut oleh **DATUK BANDAR**.

- (c) **KONTRAKTOR** hendaklah –
- (i) dengan serta-merta menghentikan Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini;
  - (ii) mengemukakan kepada **DATUK BANDAR** tuntutan berserta invoice dan dokumen sokongan berhubung dengan yang terhutang dan kena dibayar setakat tarikh notis penamatan untuk tujuan kelulusan dan pengesahan daripada **DATUK BANDAR**;
  - (iii) menamatkan semua kontrak pihak ketiga yang melibatkan **KONTRAKTOR** berhubung dengan Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini; dan
  - (iv) menanggung apa-apa kerugian dan kerosakan yang dialami dan/ atau ditanggung oleh **DATUK BANDAR** akibat penamatan Perjanjian ini,

**DENGAN SYARAT SENTIASA** bahawa penamatan ini tidak akan menjejaskan atau memberi kesan kepada hak mana-mana Pihak yang telah terakru sebelum tarikh Perjanjian ini ditamatkan ini dan apa-apa obligasi di bawah Perjanjian berhubung dengan apa-apa perbuatan tindakan, perkara atau hal yang berlaku yang wujud sebelum penamatan Perjanjian akan berterusan selepas Perjanjian ditamatkan.

#### 13.6 Penyelesaian Penuh dan Muktamad

Kedua-dua Pihak bersetuju jika Perjanjian ini ditamatkan, **KONTRAKTOR** tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya selain yang diperuntukkan mengikut subklausula-subklausula 13.5 (b)(ii). Kedua-dua Pihak bersetuju bahawa pembayaran oleh **DATUK BANDAR** menurut Klausula-Klausula tersebut adalah terjumlah kepada suatu penyelesaian penuh dan muktamad di antara Kedua-dua Pihak.

### 13.7 Penamatan Kedua-Dua Pihak

Walau apapun yang diperuntukkan di bawah Klausa 4 Perjanjian ini, mana-mana Pihak boleh menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa tanpa keperluan menyatakan sebab dengan memberikan notis bertulis tiga puluh (30) hari kepada pihak yang satu lagi. **DATUK BANDAR** dan **KONTRAKTOR** bersetuju sekiranya penamatan dibuat di bawah subklausa 13.7 Perjanjian ini, **KONTRAKTOR** tidak boleh menuntut apa-apa pampasan atau ganti rugi melainkan bayaran bagi Perkhidmatan yang telah dilaksanakan dan disahkan oleh **DATUK BANDAR** dengan sempurna sebelum tarikh penamatan sedemikian.

## 14. **FORCE MAJEURE**

14.1 **DATUK BANDAR** atau **KONTRAKTOR** hendaklah tidak melanggar obligasi masing-masing di bawah Perjanjian ini jika ia tidak dapat melaksanakan atau memenuhi mana-mana obligasinya di bawah Perjanjian ini (atau mana-mana bahagian daripadanya) akibat daripada berlakunya kejadian *Force Majeure*. Kejadian "*Force Majeure*" hendaklah bermaksud suatu peristiwa bukan di bawah kawalan Pihak yang terjejas, yang Pihak itu tidak dapat mencegah, mengelak atau menghindari, dan hendaklah bermaksud -

- i. peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), permusuhan, serangan, tindakan musuh asing, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, kuasa tentera atau rampasan kuasa, perang saudara, atau tindakan keganasan;
- ii. radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan buangannuklear, daripada pembakaran bahan api nuklear, bahan letupan toksik radioaktif, atau sifat-sifat berbahaya yang lain daripada mana-mana bahan letupan, pemasangan nuklear atau komponen nuklear daripadanya;
- iii. tekanan gelombang yang disebabkan oleh kapal terbang atau alat peranti aerial lain yang bergerak dalam kelajuan sonik atau supersonik;
- iv. bencana alam (yang diisytiharkan oleh kerajaan) yang berlaku di sekitar kawasan pelaksanaan Perjanjian ini iaitu gempa bumi, banjir, penenggelaman, dan pembakaran spontan bawah tanah atau mana-mana

operasi kuasa alam semula jadi, kilat dan cuaca yang sangat buruk;

- v. rusuhan, kekecohan dan gangguan, kerosakan jenayah, sabotaj, mogok, sekat masuk, kekacauan buruh atau gangguan industri lain (yang menjejaskan pelaksanaan Perjanjian ini) yang bukan merupakan kesalahan **KONTRAKTOR** atau subkontraktornya, atau **DATUK BANDAR**, yang menyebabkan, atau boleh dengan munasabahnyanya dijangka menyebabkan, mana-mana Pihak gagal untuk mematuhi obligasinya;
- vi. pandemik atau epidemik; atau
- vii. apa-apa peristiwa yang tidak dapat diramalkan yang memenuhi kriteria sebagaimana yang dinyatakan di bawah:
  - a) di luar kawalan munasabah Pihak yang terjejas oleh peristiwa itu, keadaan atau gabungan peristiwa atau keadaan;
  - b) yang tidak dapat diramalkan atau, jika dapat diramalkan, tidak boleh dihalang atau dielak atau diatasi oleh Pihak yang terjejas yang telah mengambil segala usaha yang wajar dan cermat
  - c) yang secara langsung menyebabkan Pihak yang terjejas tidak berupaya untuk mematuhi semua atau suatu bahagian material obligasinya di bawah Perjanjian ini; dan
  - d) yang bukan akibat langsung pelanggaran oleh Pihak yang terjejas obligasinya di bawah Perjanjian ini,

**DENGAN SYARAT BAHAWA** kejadian *Force Majeure* hendaklah tidak termasuk kemerosotan ekonomi, ketiadaan atau kekurangan dana atau kekurangan pembiayaan di pihak **KONTRAKTOR** untuk melaksanakan obligasinya di bawah Perjanjian ini.

14.2 Jika berlaku sesuatu kejadian *Force Majeure* yang menyebabkan mana-mana Pihak tidak dapat melaksanakan apa-apa obligasinya di bawah Perjanjian ini (atau mana-mana bahagian daripadanya) yang terjejas akibat daripada kejadian *Force Majeure* tersebut, Pihak itu hendaklah serta merta memaklumkan akan

kejadian *Force Majeure* tersebut kepada Pihak yang satu lagi dan diikuti dengan mengemukakan laporan terperinci mengenai kejadian *Force Majeure* tersebut dan kesannya kepada pelaksanaan Perjanjian ini. Pihak itu juga hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi masalah tersebut serta memitigasikan sebarang kelewatan atau gangguan dalam melaksanakan Perjanjian ini.

- 14.3 Jika Kedua-dua Pihak merasakan bahawa kejadian *Force Majeure* yang berlaku itu berada di tahap yang sebegitu teruk atau telah berterusan untuk suatu tempoh yang sebenarnya menggagalkan niat asal Perjanjian ini, Kedua-dua Pihak kepada Perjanjian ini bolehlah bersetuju bahawa Perjanjian ini boleh ditamatkan atas persetujuan bersama.
- 14.4 Mana-mana Pihak tidak berhak untuk bersandarkan kepada peruntukan-peruntukan dalam klausa ini melainkan sekiranya Kedua-dua Pihak telah berpuas hati bahawa kejadian *Force Majeure* benar-benar berlaku.
- 14.5 **KONTRAKTOR** hendaklah membuktikan bahawa kejadian *Force Majeure* betul-betul berlaku sebelum **KONTRAKTOR** dapat melepaskan tanggungjawabnya mengikut subklausa 14.1.
- 14.6 Jika Perjanjian ini ditamatkan akibat daripada kejadian *Force Majeure* di bawah subklausa 14.1 di atas, semua hak dan obligasi Kedua-dua Pihak di bawah Perjanjian ini hendaklah terhenti, dan mana-mana Pihak tidak boleh membuat apa-apa tuntutan terhadap Pihak yang satu lagi, dan masing-masing tidak bertanggung terhadap satu sama lain melainkan berkaitan apa-apa hak dan liabiliti yang terakru sebelum berlakunya kejadian *Force Majeure* tersebut.
- 14.7 Bagi mengelakkan keraguan, Kedua-dua Pihak hendaklah terus melaksanakan obligasi masing-masing di bawah Perjanjian ini yang tidak terjejas, tertangguh atau terganggu oleh kejadian *Force Majeure* dan obligasi-obligasi berkenaan hendaklah terus berkuat kuasa sementara menunggu pelaksanaan peruntukan klausa ini.

## 15. KERAHSIAAN

15.1 **KONTRAKTOR** adalah terikat dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] bagi setiap maklumat yang diperoleh daripada **DATUK BANDAR** sepanjang Tempoh Perjanjian ini walaupun Tempoh Perjanjian telah tamat dengan sendirinya atau Perjanjian ditamatkan dengan lebih awal mengikut peruntukan-peruntukan di bawah Perjanjian ini.

15.2 Tertakluk kepada kebenaran bertulis daripada **DATUK BANDAR**, **KONTRAKTOR** tidak boleh menyampaikan apa-apa maklumat sulit atau rahsia yang diperoleh oleh **KONTRAKTOR** semasa berurusan dengan **DATUK BANDAR** kepada mana-mana orang, syarikat, pertubuhan atau organisasi. **KONTRAKTOR** juga tidak boleh membuat kenyataan kepada orang awam mengenai apa-apa cadangan, penilaian atau pandangan yang dibuat berdasarkan kepada Perjanjian ini dan **KONTRAKTOR** juga tidak boleh membuat sebarang kenyataan akhbar mengenai perkara-perkara di atas tanpa mendapat persetujuan bertulis daripada **DATUK BANDAR** terlebih dahulu.

15.3 Klausula 15 ini hendaklah terus berkuat kuasa walaupun setelah Perjanjian ini tamat atau ditamatkan atas apa-apa sebab sekalipun.

## 16. INDEMNITI

**KONTRAKTOR** bersetuju dengan **DATUK BANDAR** bahawa:

(a) **KONTRAKTOR** akan melaksanakan semua obligasinya di bawah Perjanjian ini atas risikonya sendiri dan melepaskan **DATUK BANDAR**, personel, kakitangan, pekerja dan ejennya daripada segala jenis tuntutan yang berpunca daripada sebarang kerugian, kerosakan, kemalangan, kecederaan atau kematian akibat daripada pelaksanaan Perkhidmatan tersebut dan **DATUK BANDAR** tidak akan bertanggungjawab atau menanggung apa-apa liabiliti berhubung dengan kemalangan, kerosakan, kecederaan atau kematian tersebut;

(b) **KONTRAKTOR**, dengan kos dan perbelanjaannya sendiri hendaklah sentiasa dan terus kekal mengindemniti **DATUK BANDAR** daripada dan terhadap segala tindakan guaman, tuntutan, prosiding, kerugian, ganti rugi, pampasan, kos (termasuk kos perundangan), caj dan perbelanjaan lain di mana **DATUK**

**BANDAR** akan atau berkemungkinan untuk dipertanggungjawabkan akibat daripada:

- (i) penggunaan barangan dan secara cuai, salah guna atau penyalahgunaan oleh **KONTRAKTOR** atau personel, kakitangan, pekerja atau ejen yang dilantik oleh **KONTRAKTOR**;
  - (ii) sebarang pelanggaran oleh **KONTRAKTOR** atau personel, kakitangan, pekerja atau ejen yang dilantik oleh **KONTRAKTOR** akan mana-mana hak harta intelek, penggunaan atau penyalahgunaan sebarang hakcipta atau hasil seni atau hasil ciptaan, barang atau peralatan yang dipatenkan;
  - (iii) sebarang kerugian atau kerosakan terhadap harta benda atau sebarang kecederaan atau kematian terhadap mana-mana individu, dengan apa cara atau di mana ia dialami, disebabkan atau disumbangkan dalam pelaksanaan Perkhidmatan tersebut oleh **KONTRAKTOR** kepada mana-mana individu dan bukan disebabkan oleh kecuaiian atau perbuatan yang disengajakan, kesilapan, kegagalan atau ketinggalan oleh **DATUK BANDAR**, personel, kakitangan pekerja atau ejennya; atau
  - (iv) sebarang kerugian atau kerosakan terhadap harta benda atau sebarang kecederaan atau kematian terhadap mana-mana individu daripada apa-apa punca sekalipun oleh Perkhidmatan tersebut sehingga ke tahap yang sama sekiranya perkara tersebut terjadi atau disebabkan oleh perbuatan, peninggalan, pengabaian, pelanggaran, kegagalan atau kesilapan **KONTRAKTOR** atau personel, kakitangan, pekerja atau ejennya.
- (c) Obligasi-obligasi di bawah klausa ini akan terus berkuat kuasa walaupun Perjanjian ini tamat atau ditamatkan lebih awal berhubung dengan sebarang perbuatan, perkara atau apa-apa kejadian yang berlaku sebelum Perjanjian ini tamat atau ditamatkan lebih awal.

## 17. NASIHAT TEKNIKAL

**KONTRAKTOR** bersetuju untuk memberi khidmat nasihat teknikal selain daripada apa yang terkandung di dalam Perjanjian ini secara percuma kepada **DATUK BANDAR**

berhubung apa-apa yang melibatkan Perkhidmatan yang dilaksanakan di bawah Perjanjian ini.

## 18. IKLAN

Tiada iklan atau maklumat mengenai Perjanjian ini boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah, laman web atau alat pengiklanan yang terkini melainkan jika iklan atau maklumat itu telah pun dihantar kepada dan diluluskan oleh **DATUK BANDAR** terlebih dahulu kecuali kepada Bursa Saham Malaysia.

## 19. SUBKONTRAK

19.1 **KONTRAKTOR** tidak boleh memberi subkontrak terhadap Perjanjian ini atau apa-apa bahagiannya kepada mana-mana pihak lain tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada **DATUK BANDAR**.

19.2 Jika Perjanjian ini atau mana-mana bahagian daripadanya diberi subkontrak dengan kebenaran bertulis oleh **DATUK BANDAR** di bawah klausa ini, **KONTRAKTOR** hendaklah bertanggungjawab secara berterusan dan secara sendiri dan peribadi bagi memastikan subkontraktor yang diberi subkontrak itu mematuhi terma dan syarat dalam Perjanjian ini.

19.3 Sebarang isu yang timbul antara **KONTRAKTOR** dan subkontraktor mengenai Perjanjian ini atau hal-hal lain adalah di luar tanggungjawab **DATUK BANDAR**.

## 20. SERAH HAK

**KONTRAKTOR** tidak boleh menyerah hak atau memindah milik kesemua atau mana-mana bahagian Perjanjian ini atau menerima milik, menggadai atau mempertanggungkan apa-apa juga wang yang kena dibayar atau yang telah genap masanya untuk dibayar di bawah Perjanjian ini dan apa-apa faedah yang terlibat atau yang mungkin terbit daripada Perjanjian ini dengan tidak terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada **DATUK BANDAR**.

## 21. PINDAAN

Tiada pindaan, ubahsuai atau pelepasan dalam mana-mana peruntukan di dalam

Perjanjian ini boleh dikuat kuasakan kecuali ianya dibuat secara bertulis melalui suatu perjanjian tambahan yang merujuk secara khususnya kepada Perjanjian ini dan dipersetujui dan ditandatangani oleh kedua-dua Pihak.

## 22. HAK MILIK HARTA INTELEK

22.1 **KONTRAKTOR** menjamin bahawa semua barangan yang dibekalkan kepada **DATUK BANDAR** adalah bukan dipinjam, diciplak serta tidak melanggar hak cipta intelek, paten, *trademark*, *copyright* atau *trade secret* pihak lain.

22.2 **KONTRAKTOR** hendaklah melindungi dan menanggung rugi **DATUK BANDAR** terhadap apa-apa tuntutan bagi pelanggaran apa-apa hak cipta intelek, paten, *trademark*, *copyright* atau *trade secret* berkenaan barangan yang dibekalkan dan di bawah Perjanjian ini dan terhadap semua kos di mana **DATUK BANDAR** perlu menanggung bagi pelanggaran itu atau mana-mana tindakan yang berkaitan yang perlu bagi **DATUK BANDAR** bertanggungjawab.

22.3 Jika penggunaan atau pemilikan oleh **DATUK BANDAR** berkemungkinan membawa kepada apa-apa pelanggaran hak harta intelektual, maka **KONTRAKTOR** hendaklah dalam jangka masa yang dipersetujui oleh Kedua-dua Pihak dan atas tanggungannya sendiri mendapatkan untuk **DATUK BANDAR** hak untuk terus menggunakan atau memiliki barangan dan atau menggantikan barangan tersebut untuk mengelakkan daripada pelanggaran hak harta intelektual (dalam keadaan ini, **KONTRAKTOR** hendaklah mengganti rugi kerugian langsung yang dialami atau ditanggung oleh **DATUK BANDAR** semasa penggantian itu).

22.4 **KONTRAKTOR** hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya jika terdapat apa-apa tuntutan daripada mana-mana pihak di atas pelanggaran hak cipta intelek, paten, *trademark*, *copyright* atau *trade secret* sekiranya ada semasa melaksanakan obligasinya di bawah Perjanjian ini atau selepas Perjanjian ini tamat dan **KONTRAKTOR** hendaklah menyelesaikan tuntutan tersebut dengan tanpa menjejaskan kepentingan **DATUK BANDAR**.

## 23. NOTIS

23.1 Semua surat-menyurat atau notis yang dikehendaki diberikan kepada **DATUK BANDAR** di bawah Perjanjian ini hendaklah, dialamatkan kepada –

Pengarah  
<alamat Jabatan>  
<alamat Jabatan>  
<alamat Jabatan>

Telefon :  
Faks :  
E-mel :

23.2 Semua surat-menyurat atau notis yang dikehendaki diberikan kepada **KONTRAKTOR** di bawah Perjanjian hendaklah, dialamatkan kepada –

<Pengarah>  
<alamat kontraktor>  
<alamat kontraktor >  
<alamat kontraktor >

Telefon :  
Faks :  
E-mel :

23.3 Apa-apa perubahan kepada alamat di atas oleh mana-mana Pihak hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada Pihak yang satu lagi dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh pertukaran alamat tersebut dan tarikh penerimaan notis bagi alamat yang baru adalah tarikh kuat kuasa pemakaian alamat terpinda berkenaan.

23.4 Apa-apa surat menyurat atau notis yang tersebut di atas hendaklah –

- (i) sekiranya diserahkan secara sendiri dianggap telah diserahkan pada masa penyerahan tersebut;

- (ii) sekiranya melalui pos berdaftar prabayar atau pos biasa dianggap telah diterima pada hari perniagaan yang kelima setelah ia diposkan; atau
- (iii) sekiranya melalui e-mel, teleks atau faks dianggap telah diterima pada hari perniagaan sebaik-baik sahaja ia dihantar dan sekiranya melalui teleks atau faks, tertakluk kepada nota pengesahan penerimaan.

## 24. UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI KEPADA PERJANJIAN

24.1 Perjanjian ini hendaklah ditadbir dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Kedua-dua Pihak bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah-mahkamah di Malaysia.

24.2 Kedua-dua Pihak bersetuju untuk mematuhi segala peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa, arahan, perintah, kehendak dan pekeliling yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang kompeten untuk berbuat demikian dari semasa ke semasa di bawah mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

24.3 **DATUK BANDAR** berhak menolak Perkhidmatan tersebut yang tidak mematuhi undang-undang atau peraturan-peraturan yang berkuat kuasa di Malaysia mengenai Perkhidmatan tersebut.

## 25. KOS PERJANJIAN DAN DUTI SETEM

Apa-apa kos yang terlibat dalam penyediaan Perjanjian ini, duti setem dan apa-apa perbelanjaan sampingan hendaklah ditanggung oleh **KONTRAKTOR**.

## 26. MASA

Masa bila mana disebutkan hendaklah menjadi inti pati Perjanjian ini.

## 27. KEBOLEHASINGAN (“SEVERABILITY”)

27.1 Sekiranya mana-mana klausa, peruntukan atau bahagian dalam Perjanjian ini didapati tidak sah, batal atau tidak boleh dilaksanakan di bawah undang-undang

semasa atau undang-undang masa depan, klausa, peruntukan atau bahagian tersebut diboleh asingkan sepenuhnya (fully severable).

27.2 Sekiranya perkara yang dinyatakan di atas berlaku, Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan dan dilaksanakan seolah-olah klausa, peruntukan atau bahagian dalam Perjanjian ini yang tidak sah, batal atau tidak boleh dilaksanakan tersebut tidak pernah membentuk sebahagian daripada Perjanjian ini dan klausa, peruntukan atau bahagian yang lain akan kekal dengan sepenuh kesan dan peranannya dan tidak akan terjejas oleh klausa, peruntukan atau bahagian dalam Perjanjian ini yang didapati tidak sah, batal, tidak boleh dilaksanakan tersebut atau oleh pengasingannya daripada Perjanjian ini.

27.3 Sebagai ganti kepada klausa, peruntukan atau bahagian dalam Perjanjian ini yang didapati tidak sah, batal atau tidak boleh dilaksanakan tersebut, akan ditambah kepada Perjanjian ini secara automatik klausa, peruntukan atau bahagian (yang seberapa hampir yang boleh maksudnya dengan klausa, peruntukan atau bahagian dalam Perjanjian ini yang didapati tidak sah, batal atau tidak boleh dilaksanakan tersebut) dengan yang sah, tidak batal dan boleh dilaksanakan bagi merealisasikan niat Kedua-kedua Pihak kepada Perjanjian ini.

## 28. KEUTAMAAN (“*PRECEDENCE*”)

Sekiranya terdapat percanggahan di antara terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam mana-mana dokumen yang dirujuk di dalam Perjanjian ini, maka dokumen-dokumen tersebut akan diterima pakai menurut susunan keutamaan seperti berikut –

- (a) Perjanjian ini yang telah ditandatangani;
- (b) LAMPIRAN-LAMPIRAN yang dilampirkan bersama-sama Perjanjian ini; dan
- (c) Apa-apa dokumen lain yang dirujuk di dalam Perjanjian ini.

## 29. KESELURUHAN PERJANJIAN

Perjanjian ini merupakan persetujuan secara keseluruhan antara Kedua-dua Pihak berkenaan dengan perkara yang diperuntukkan di dalamnya dan mengatasi mana-mana persetujuan atau persefahaman terdahulu antara Kedua-dua Pihak berhubung perkara tersebut.

## 30. IKATAN PERJANJIAN

Perjanjian ini hendaklah mengikat mana-mana ejen, wasi, pentadbir, pengganti, penerima pindah milik, pemegang serah hak dan pengganti hak milik bagi **KONTRAKTOR**.

## 31. LAMPIRAN-LAMPIRAN

Lampiran-Lampiran di dalam Perjanjian ini hendaklah dibaca secara menyeluruh dan bersama dengan Perjanjian ini.

## 32. PENEPIAN HAK

Kegagalan mana-mana Pihak dalam menjalankan atau menguatkuasakan mana-mana hak, remedi atau peruntukan di bawah Perjanjian ini pada bila-bila masa, tidak mentafsirkan kepada suatu penepian terhadap hak, remedi atau peruntukan tersebut.

## 33. SOGOKAN, RASUAH ATAU AKTIVITI HARAM

33.1 **KONTRAKTOR** dengan ini membuat representasi dan waranti kepada **DATUK BANDAR** bahawa, sebelum dan semasa Tempoh Perjanjian berkuat kuasa, tiada sebarang perbuatan rasuah, aktiviti haram, atau pelanggaran undang-undang telah dilakukan untuk mendapatkan hak bagi melaksanakan Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini. **KONTRAKTOR** juga menjamin pematuhan terhadap Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694] serta mana-mana undang-undang dan peraturan berkaitan rasuah yang berkuat kuasa.

33.2 **KONTRAKTOR** hendaklah memastikan bahawa pengarah, pekerja, subkontraktor, ejen atau pihak ketiga lain yang terlibat menyedari dan/atau menerima latihan atau kursus berkala yang secukupnya tentang kod tatalaku, undang-undang dan prinsip pencegahan sogokan dan rasuah yang berkaitan.

33.3 **DATUK BANDAR** berhak untuk menamatkan Perjanjian ini serta-merta melalui notis bertulis sekiranya **KONTRAKTOR** disabitkan oleh Mahkamah atas kesalahan rasuah atau aktiviti haram.

33.4 **KONTRAKTOR** bertanggungjawab terhadap **DATUK BANDAR** dan bersetuju untuk menanggung rugi sepenuhnya serta melindungi **DATUK BANDAR** daripada sebarang tuntutan, kehilangan, liabiliti, kerugian, denda, kos, dan perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad kepada yuran guaman berdasarkan tanggungan rugi) yang timbul akibat daripada:

- (i) sebarang pelanggaran undang-undang berkaitan pencegahan sogokan dan rasuah oleh **KONTRAKTOR**, pengarah, pekerja, subkontraktor, ejen atau pihak ketiga lain mereka; dan/atau
- (ii) penamatan Perjanjian ini disebabkan oleh pelanggaran klausa ini.

#### 34. **PERKARA-PERKARA AM DAN WAAD**

Pihak-Pihak dalam Perjanjian ini hendaklah memberikan semua bantuan dan maklumat yang berkenaan kepada Pihak yang satu lagi dan menyempurnakan dan melakukan dan mengusahakannya daripada semua orang dan syarikat yang perlu, jika ada, untuk menyempurnakan dan melakukan tindakan, suratikatan, jaminan seterusnya dan perkara munasabah yang diperlukan supaya kuatkuasa sepenuhnya boleh dilaksanakan bagi terma dan syarat Perjanjian ini.

#### 35. **MAKLUMAT**

**KONTRAKTOR** hendaklah sentiasa memberi dan membekalkan **DATUK BANDAR** segala maklumat-maklumat yang berkaitan dengan Perjanjian ini pada bila-bila masa **DATUK BANDAR** memerlukannya.

[Ruangan di bawah sengaja dibiarkan kosong]

**PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS**, Kedua-dua Pihak yang tersebut dalam Perjanjian ini menurunkan tandatangan mereka pada tarikh yang tertulis di atas.

Mohor rasmi )  
**DATUK BANDAR KUALA LUMPUR** )  
Diturunkan menurut **Akta Ibu Kota** )  
**Persekutuan 1960 [Akta 190]** )

.....  
Nama:

Ditandatangani oleh )  
<**NAMA SYARIKAT**> )  
**NO PENDAFTARAN SYARIKAT ( )** )  
Di hadapan )

\_\_\_\_\_  
NAMA :  
NO. K/P:

\_\_\_\_\_  
NAMA :  
NO K/P

# DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

**PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN  
PEJABAT CAWANGAN SEGAMBUT  
DAN DEWAN MASYARAKAT TAMAN SRI SEGAMBUT JABATAN  
PEMBANGUNAN KOMUNITI DAN KESEJAHTERAAN BANDAR  
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN  
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**

**BAHAGIAN 6. SKOP KERJA**

## SKOP KERJA

### 1.0 PENGENALAN

Perkhidmatan pembersihan di **Pejabat Cawangan Segambut dan di Dewan Masyarakat Taman Sri Segambut** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) adalah perkhidmatan pembersihan keseluruhan dalam dan luar bangunan seperti kaunter bayaran, bilik, ruang pejabat, ruang menunggu, ruang pameran, surau, auditorium mini, tandas, kawasan bercermin, Landskap, kawasan berumput dan lain-lain yang berkaitan. Petender bertanggungjawab untuk mengendalikan kerja-kerja berkaitan dengan pencucian dan pembersihan serta pembuangan sampah atau bahan-bahan buangan, penyelenggaraan dan lain-lain.

Kerja-kerja pengurusan dan penyelenggaraan perlu dilakukan pada setiap hari Isnin hingga Jumaat (*bermula jam 7.30 pagi hingga 4.30 petang*) bagi memastikan agar keseluruhan kawasan seperti yang dinyatakan di atas tersebut dalam keadaan **BERSIH**. Jika terdapat sesuatu acara atau tugas yang melibatkan pembersihan diluar masa kerja yang ditetapkan (jika perlu) maka pihak kontraktor perlulah bersedia pada bila-bila masa untuk melaksanakan kerja tersebut tanpa melibatkan sebarang kos tambahan.

Petender-petender **DIWAJIBKAN** melawat tapak bagi mengenalpasti kawasan dan skop kerja serta spesifikasi kerja sebelum mengemukakan harga tawaran.

### 2.0 KERJA-KERJA PENDAHULUAN (PRELIMINARIES WORK)

Petender hendaklah melaksanakan kerja-kerja Pendahuluan sebelum kerja-kerja utama dilaksanakan seperti berikut :-

#### 2.1 Bon Pelaksanaan (Performance Bond),

Petender hendaklah menyediakan Bond Pelaksanaan berjumlah mengikut perkiraan kadar yang telah ditetapkan dalam Syarat-Syarat Perjanjian dalam bentuk jaminan bank dan insurans sahaja. Oleh itu, Wang Jaminan Perlaksanaan adalah tidak dibenarkan.

#### 2.2 Insurans

Petender hendaklah atas nama bersama Datuk Bandar dan Kontraktor mengambil polisi insurans yang sah (*Insurans Liabiliti Awam*) untuk menanggung semua tuntutan gantirugi, pampasan, denda atau apa-apa pembayaran yang kena dibayar oleh Datuk Bandar mengikut Ordinan Pampasan Pekerja, 1952 atau apa-apa tuntutan kemalangan yang berhubung dengan Pampasan Pekerja dan tuntutan-tuntutan dari pihak ketiga berbangkit dari hal-hal bersangkutan dengan kerja-kerja tersebut.

Petender hendaklah menyerahkan polisi tersebut dan resit premium semasa kepada Datuk Bandar untuk simpanannya dan jika kontraktor gagal berbuat demikian, Datuk Bandar boleh menamatkan Perjanjian.

### 2.3 Laporan Kemajuan Kerja Bulanan

Petender hendaklah mengemukakan dua (2) salinan Invois dan Laporan Kemajuan Kerja Bulanan beserta gambar berwarna kerja-kerja pembersihan yang dijalankan kepada Pegawai Penguasa setiap bulan.

### 2.4 Jadual Program Pelaksanaan Kerja

Program Program Pelaksanaan Kerja adalah Jadual Kerja yang mengandungi cadangan kerja-kerja yang akan dijalankan secara **HARIAN, MINGGUAN, BULANAN** dan sebagainya dan kontraktor hendaklah berunding dengan Pengurusan Pejabat Cawangan Segambut yang berkenaan untuk melaksanakannya.

Jadual ini hendaklah di antara lain mengandungi maklumat mengenai **JENIS KERJA, WAKTU KERJA DIMULAKAN, TEMPOH DIJANGKA SIAP DAN BILANGAN PEKERJA** yang terlibat mengikut jenis-jenis kerja.

Senarai Nama Pekerja adalah jadual cadangan pekerja-pekerja yang akan melaksanakan kerja pembersihan yang mengandungi nama, nombor kad pengenalan, jawatan dan shif kerja.

### 2.5 Jadual Kaedah Kerja (Method of Statement)

Petender hendaklah mengemukakan Kaedah Kerja / 'Method of Statement' seperti di '**Lampiran G**' kepada Pejabat Cawangan Segambut, Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar.

### 2.6 Cukai Setem

Cukai setem hendaklah ditanggung oleh Petender mengikut Syarat-Syarat Kontrak.

### 2.7 Pakaian Seragam

Petender hendaklah membekalkan pakaian seragam sebagaimana yang diarahkan kepada pekerja-pekerja dan hendaklah memastikan ada **TANDA PENGENALAN** (Nama Pekerja dan Nama Syarikat) pada pakaian seragam yang sentiasa di pakai kemas bekerja untuk memudahkan pengenalan oleh Datuk Bandar dan Pegawai-pegawai DBKL.

## 2.8 Peralatan Kerja Dan Peralatan Guna Sama

Petender hendaklah membekalkan peralatan kerja (*seperti mesin "water jet", mesin pengilap lantai dan sebagainya*) dan peralatan guna sama (*seperti cecair pencuci tangan, tisu tandas dan sebagainya*) secukupnya mengikut Spesifikasi/ Penentuan Kerja dan Senarai Keperluan Peralatan/ Perkakasan Minima di Tapak.

### 3.0 SKOP KERJA

**MENGEKALKAN** taraf kebersihan keseluruhan dalam dan luar bangunan serta kawasan lanskap dan berumput pada paras yang **OPTIMUM berdasarkan Penentuan / Spesifikasi Kerja** melalui skop kerja seperti berikut :-

#### 3.1 Pembersihan Keseluruhan Dalam dan Luar Bangunan Pejabat Cawangan Segambut

Pencucian dan pembersihan keseluruhan dalam bangunan tingkat bawah, tingkat 1 meliputi bilik-bilik / ruang-ruang pejabat, pantri, kaunter bayaran, lobi, surau, setor, tandas, auditorium dan lain-lain kawasan di dalam bangunan. Kerja-kerja pembersihan merangkumi :-

- i) Mencuci , membasuh dan menyapu keseluruhan lantai dalam bangunan menggunakan alat dan bahan pencuci yang bersesuaian.
- ii) Mencuci dan mengering / 'vacum' karpet menggunakan mesin dan bahan cuci karpet yang bersesuaian.
- iii) Mencuci dinding dan siling bangunan (konkrit dan cermin) di kedua-dua permukaan **dalam dan luar** termasuk tingkap daripada sawang, habuk dan sebarang kotoran yang melekat pada lantai, dinding dan siling.
- iv) Mencuci , membersihkan kelengkapan pejabat termasuk meja, kerusi, telefon, komputer, printer dan kelengkapan pejabat yang lain.
- v) Mencuci , membersihkan kelengkapan elektrik termasuk lampu, kipas, alat penghawa dingin dan kelengkapan elektrik yang lain.
- vi) Mencuci dan membersihkan ruang-ruang tangga termasuk dinding, anak tangga, ' landing', ' handrailing ' dan sebagainya.
- vii) Memungut semua sampah sarap dan menyediakan tempat membuang sampah yang mencukupi dan memastikan semua tong-tong sampah dan kelengkapan-kelengkapan lain sentiasa bersih dan kemas.
- viii) Menyediakan tempat membuang sampah dan plastik sampah yang mencukupi dan memastikan tong sampah sentiasa bersih dan kemas.
- viii) Membekalkan alat semburan pewangi (*air-freshner*) di dalam kawasan pejabat, bilik pegawai, bilik mesyuarat, auditorium, surau,tandas, stor alat tulis, bilik flying skuad dan kawasan yang memerlukan

- ix) Membersih semua tong-tong sampah dan kelengkapan-kelengkapan lain

### 3.2 Pembersihan Tandas Dalam dan Luar Bangunan

Pencucian dan pembersihan kesemua tandas dalam aras lobi dan aras 1 dan luar bangunan termasuk kelengkapan 'sanitary'. Kerja-kerja pembersihan merangkumi :-

- i) Mencuci lantai, dinding dan siling.
- ii) Membersih cermin, kelengkapan 'sanitary bin', tisu tangan beserta bekas, sabun cuci tangan beserta bekas, dan pewangi tandas yang sesuai.
- iii) Menyembur pewangi berterusan agar tandas sentiasa berada dalam keadaan yang selesa dan menyegarkan.
- iv) Membekal dan menyediakan kertas tisu, bahan pencuci tangan dan kelengkapannya (pewangi) setiap hari.
- v) Menyediakan jadual pembersihan tandas setiap hari dan perlu disemak oleh Penyelia syarikat pembersihan dan disahkan oleh Pegawai Penguasa atau wakilnya.

### 3.3 Pembersihan Kaunter Bayaran, Bilik-Bilik, Ruang Pejabat, Ruang Menunggu, Ruang Pameran dan Surau

Pencucian dan pembersihan keseluruhan ruang pejabat dan bilik-bilik meliputi ruang dalaman, lantai/karpet, tingkap dan lain-lain. Kerja-kerja pembersihan merangkumi :-

- i) Mencuci / membasuh / menyapu dan menyedut (vakum) keseluruhan lantai / karpet menggunakan alat dan bahan pencuci yang bersesuaian.
- ii) Scrubbing / polish kemas jubin dengan menggunakan mesin dan bahan pencuci yang bersesuaian.
- iii) Mengelap setiap meja, kerusi, almari, peralatan komputer, cermin dan pintu dengan menggunakan alat dan bahan yang bersesuaian.
- iv) Mencuci dinding dan siling bangunan di kedua-dua permukaan dalam dan luar termasuk tingkap daripada sawang, habuk dan lain-lain kotoran.

- v) Mencuci / membersihkan kelengkapan elektrik termasuk lampu, lif, kipas, *air-cond* dan kelengkapan elektrik yang lain.
- vi) Membersih semua tong-tong sampah dan kelengkapan-kelengkapan lain.
- vii) Menyediakan tempat membuang sampah dan plastik sampah yang mencukupi dan memastikan tong sampah sentiasa bersih dan kemas.
- viii) Membersihkan surau yang terdapat di dalam ruang-ruang pejabat.
- ix) Memastikan bilik mesyuarat sentiasa dalam keadaan bersih, kemas dan teratur.
- x) Menyediakan keperluan-keperluan di setiap tandas iaitu sabun pencuci tangan, tong sampah, tisu tandas serta pewangi tandas
- xi) Membersih dan mengelap setiap anak tangga dan pemegang tangga dengan menggunakan bahan yang bersesuaian
- xii) Membersihkan ruang saluran udara (*air-cond*), *casing* lampu daripada habuk, sawang dan lain-lain kotoran.
- xiii) Membersih dan mengelap telefon termasuk meletakkan bahan penyah bau.
- xiv) Menyediakan bahan-bahan pembersihan mengikut alatan yang bersesuaian serta mengikut kekemasan yang sesuai
- xv) Menyediakan peralatan pencucian yang mencukupi, *trolley* untuk meletakkan peralatan pencucian dan bahan pencucian.

**PERINGATAN :-**

Petender perlu memastikan tandas, karpet dan jubin yang dicuci adalah bersih, kering dan berbau wangi. Sekiranya tandas, karpet dan jubin yang dicuci tidak bersih, tidak berkilat dan berbau busuk, potongan bayaran akan dibuat ke atas tuntutan bayaran yang dikemukakan oleh pihak syarikat.

### 3.4 Pembersihan Auditorium Mini

Pembersihan keseluruhan auditorium mini meliputi cermin, pintu, pentas, bilik menunggu VIP dan perkakasan dewan. Kerja-kerja pembersihan merangkumi :-

- i) Membersih, mengemop dan menyapu keseluruhan lantai auditorium mini dengan menggunakan alat dan bahan pencuci yang bersesuaian.
- ii) Mencuci dinding dan siling auditorium mini daripada sawang, habuk dan lain-lain kotoran. Siling auditorium mini hendaklah dibersihkan
- iii) Mencuci / membersih kelengkapan elektrik termasuk lampu, kipas, dan kelengkapan elektrik yang lain.
- iv) Membersih semua tong-tong sampah dan kelengkapan-kelengkapan lain.
- ii) Menyediakan tempat membuang sampah dan plastik sampah yang mencukupi dan memastikan tong sampah sentiasa bersih dan kemas.
- iii) Membekalkan alat semburan pewangi pada auditorium mini.
- iv) Membuat pembersihan secara keseluruhan auditorium mini pada setiap hari, sebelum dan selepas auditorium mini digunakan untuk penganjuran sesuatu majlis atau acara

### 3.5 Pembersihan Kawasan Kabin Dan Rumah Sampah

Melaksanakan kerja-kerja pembersihan di kawasan kabin dan rumah sampah. Kerja-kerja pembersihan merangkumi :-

- i) Memastikan kawasan kabin bebas daripada sampah sarap, daun kering, pasir / batu kecil dan lain-lain kekotoran dengan menggunakan peralatan yang sesuai
- ii) Memastikan rumah sampah dibersihkan pada setiap hari.

### 3.6 Bahan-Bahan Pencuci Atau *Chemical* Yang Digunakan Untuk Kerja-Kerja Pembersihan

- i) Menggunakan bahan pencuci atau chemical yang bersesuaian bagi menjaga permukaan tapak pembersihan

- ii) Tidak menggunakan harsh chemical pada permukaan marble dan granite.
- iii) Bahan kimia / *chemical* yang digunakan mestilah selamat, berkualiti dan mengikut spesifikasi dan piawaian yang berkaitan.

### 3.7 Pembersihan Kawasan Yang Sukar Dicapai (Provisional)

Pembersihan keseluruhan kawasan yang sukar dicapai meliputi dinding luar dan dalam bangunan yang tinggi dan tidak boleh dicapai (konkrit & cermin), siling dan struktur siling termasuk kelengkapan elektrik seperti lampu, kipas dan sebagainya dan lain-lain kawasan yang sukar dicapai di luar dan dalam bangunan. Kerja-kerja pembersihan merangkumi :-

- i) Mencuci dinding dalam dan luar (konkrit & cermin) bangunan dari kekotoran habuk / sawang.
- ii) Petender dikehendaki mengambil kira kos bagi penggunaan peralatan/jentera yang digunakan terutama untuk kerja-kerja pencucian yang tinggi. Kekekapan kerja sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun atau bergantung kepada arahan dari semasa ke semasa oleh Pegawai Penguasa atau wakil.

### 3.8 Pembersihan pada Waktu Bekerja atau di Luar Waktu Bekerja Pembersihan Bagi Majlis-Majlis / Acara Rasmi Datuk Bandar (Provisional Sum)

Pembersihan ini meliputi pembersihan keseluruhan kawasan luar dan dalam sebelum, semasa dan selepas majlis-majlis / acara-acara di atas dilaksanakan. Kerja-kerja pembersihan merangkumi :-

- i) Menyediakan pekerja dan peralatan secukupnya sebelum, semasa dan selepas majlis di atas dijalankan.
- ii) Menyapu dan membersihkan keseluruhan dalam dan luar bangunan yang terlibat bagi majlis di atas menggunakan alat dan bahan pencuci yang bersesuaian.
- iii) Memungut sampah sarap dan membuang ke tempat yang ditetapkan.

### 3.9 Pembersihan Keseluruhan Dalam Bangunan Dewan Masyarakat Taman Sri Segambut

Pencucian dan pembersihan keseluruhan dalam bangunan meliputi bilik-bilik / ruang-ruang pejabat, pembersihan dewan, pantri, setor, tandas dan lain-lain kawasan di dalam bangunan. Kerja-kerja pembersihan merangkumi :-

- i) Mencuci ,membasuh,mengemop dan menyapu keseluruhan lantai dalam bangunan menggunakan alat dan bahan pencuci yang bersesuaian.
- ii) Mencuci dan mengering / 'vacum' karpet menggunakan mesin dan bahan cuci karpet yang bersesuaian (Jika berkaitan)
- iii) Mencuci dinding dan siling bangunan (konkrit dan cermin) di kedua-dua permukaan dalam dan luar termasuk tingkap daripada sawang, habuk dan sebarang kotoran yang melekat pada lantai, dinding dan siling.
- x) Mencuci, membersih kelengkapan pejabat termasuk meja, kerusi, komputer dan kelengkapan pejabat yang lain.
- xi) Mencuci, membersih kelengkapan elektrik termasuk lampu, kipas, alat penghawa dingin dan kelengkapan elektrik yang lain.
- vii) Memungut semua sampah sarap dan menyediakan tempat membuang sampah yang mencukupi dan memastikan semua tong-tong sampah dan kelengkapan-kelengkapan lain sentiasa bersih dan kemas.
- xii) Menyediakan plastik sampah yang mencukupi dan memastikan tong sampah sentiasa bersih dan kemas.
- xiii) Membekalkan alat semburan pewangi (*air-freshner*) di dalam dewan serta bilik-bilik dalam dewan.

**3.10 Kerja-kerja Pembersihan dan Penyelenggaraan Kawasan Berumput, Simen dan Longkang (Kawasan Luar Dewan Masyarakat Taman Sri Segambut)**

Melaksanakan kerja-kerja pembersihan seperti berikut

- i) Memotong rumput, lalang dan tumbuh-tumbuhan yang tumbuh di atas tanah di semua kawasan berumput, di tepi longkang dan kawasan-kawasan berkaitan.
- ii) Kerja-kerja pemotongan rumput dan lalang.
- iii) Semua sampah sarap, rumput, lalang, ranting-ranting kayu, daun dan sisa rumput yang dipotong hendaklah disapu sehingga bersih dan kemas serta mengumpulkannya hanya di kawasan yang dibenarkan. Membakar sampah adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- iv) Membuang dan menyapu sampah ke dalam tangkungan, parit atau longkang adalah juga dilarang sama sekali.

- v) Pokok-pokok di dalam kawasan dewan hendaklah diselenggara dengan baik dan kemas. Pokok-pokok hendaklah dicantas dari masa ke semasa.
- vi) Pokok-pokok yang rosak atau tidak subur perlu dimaklumkan kepada Pihak Pengurusan.
- vii) Membersih dan membuang rumput, daun kering, pasir atau tanah dan lain-lain bahan yang terdapat disepanjang bebendul atau lubang air dan longkang atau parit yang terdapat dalam kawasan tapak kerja bagi memastikan air dapat mengalir.
- viii) Tumbuhan liar yang tumbuh dikawasan tapak , kaki lima di longkang di bahu jalan, pagar dan tepi bangunan hendaklah dihapuskan dari semasa ke semasa.

**4.0 Gantirugi Tetap & Tertentu (Liquidated Ascertained Damages (LAD) adalah seperti berikut :**

4.1.1 Bagi Perkhidmatan Pembersihan, Datuk Bandar boleh mengenakan gantirugi tetap & tertentu (LAD) kepada Kontraktor merujuk kepada Mesyuarat Laporan Penilaian Prestasi Kerja Bulanan.

Bil	Jenis Denda	Formula
1.	Syarikat gagal menempatkan pekerja pembersihan di premis pada satu-satu masa.	Kadar Hari Sejam x Bil. Pekerja tidak hadir x Bil. Hari / Jam Ketiadaan pekerja

# DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

**PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN  
PEJABAT CAWANGAN SEGAMPUT  
DAN DEWAN MASYARAKAT TAMAN SRI SEGAMPUT JABATAN  
PEMBANGUNAN KOMUNITI DAN KESEJAHTERAAN BANDAR  
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN  
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**

**BAHAGIAN 7. SPESIFIKASI**

## SPESIFIKASI

### 1.0 ASPEK-ASPEK KERJA DAN TAFSIRAN

Dalam melaksanakan perkhidmatan pembersihan, aspek-aspek kerja yang berkaitan adalah khusus membawa pengertian seperti berikut :-

#### 1.1 SAMPAH

**BERMAKNA DAN TERMASUK** semua benda buangan atau yang tidak dipakai lagi atau kotoran yang dilonggokkan atau dibiarkan atau ditinggalkan atau diletakkan di bahagian depan dan belakang bangunan atau lain-lain kawasan lapang atau tertutup, jalan kakilima, siarkaki dan termasuk kotak-kotak, tong, tin, kertas, plastik, sisa makanan dan sebarang sisa kerja-kerja pembersihan.

#### 1.2 PUNGUTAN SAMPAH

**BERMAKNA DAN TERMASUK** pungutan sampah daripada kaki lima, ruang tangga, ruang sampah bangunan, ruang sampah tingkat (semua tingkat), parit dan longkang, kawasan lapang, padang permainan, siarkaki atau lain-lain kawasan dan membuang ke **PUSAT TONG SAMPAH / SPIRAL WASTE BIN (SWB)**. Ini termasuk menggantikan tong-tong sampah yang penuh daripada ruang-ruang sampah bangunan dengan tong-tong yang **TELAH DIKOSONGKAN OLEH JABATAN PERKHIDMATAN BANDAR / KONTRAKTOR DI PUSAT TONG / SPIRAL WASTE BIN (SWB)**. Bagi kawasan yang tidak menggunakan SWB, pusat-pusat tong sampah hendaklah dikawal kebersihan / keadaannya supaya tiada sampah yang dilonggok diluar tong / kawasan serta cuci dengan air secara mekanikal dan menggunakan bahan-bahan kimia pembersihan yang bersesuaian untuk mengatasi sebarang bau busuk (tidak termasuk kawasan dihadapan unit kediaman / kakilima ditiap-tiap tingkat).

#### 1.3 BERSIH

**BERMAKNA DAN TERMASUK** membebaskan / menghilangkan kotoran kesan daripada segala jenis sampah seperti tanah lumpur, batu-batan, lumut/rumpai, tumpahan bahan cecair/kimia, sampah-sarap, daun-daun, ranting-ranting, pelepah-pelepah dan apa-apa jua yang tidak menyenangkan mata memandangi di merata-rata kawasan pembersihan pada setiap masa.

#### 1.4 PEMBERSIHAN / PENCUCIAN

**BERMAKNA DAN TERMASUK** menyapu, membasuh, mencuci, menggosok, mengering, membuang, menghilangkan kotoran sampah sarap, debu, sarang labah-labah, selut dan lain-lain benda buangan yang berkaitan dengan menggunakan serbuk pencuci / bahan kimia (yang selamat) yang berupaya mencuci serta dengan menggunakan alat pekakas yang bersesuaian / mencukupi. Alat jentera (water jet) menggunakan kuasa petrol / bermotor adalah sebagai alat pencucian utama utamanya di pusat sampah kawasan serta longkang. Alat jentera water jet mestilah yang baru, bukan yang telah digunakan.

#### 1.5 PEMBERSIHAN KAWASAN LANDSKAP DAN BERUMPUT

**BERMAKNA DAN TERMASUK** memotong, mencabut, memendek rumput rampai, duri, lalang dan lain tumbuhan liar di kawasan lapang, padang permainan, lereng, lurah, tepi longkang, tepi rimbunan hiasan dan penyenggaraan am termasuk menyiram, membaja, mengembur tanah, mengandam (trimming), menjaga pokok-pokok, pokok bunga, meyempurnakan kedudukan kayu penagak pokok.

#### 1.6 PEMBERSIHAN TEMPAT LETAK KERETA

**BERMAKNA DAN TERMASUK** menyapu, membersihkan segala sampah-sarap, kekotoran, debu, pasir-pasir, batu-bata, lumpur, air bertakung dan lain-lain sisa buangan dengan menggunakan alat perkakas yang sesuai dan mencukupi.

### 2.0 PERLAKSANAAN PERKHIDMATAN DAN KUALITI KERJA

Kerja-kerja yang dijalankan hendaklah mencapai taraf kualiti yang sewajarnya mengikut tatacara kerja seperti berikut:-

#### 2.1 KEBERSIHAN KAWASAN DALAM DAN LUAR BANGUNAN

- i) Mempastikan keadaan keseluruhan dalam dan luar bangunan sentiasa bersih, bebas daripada sampah sarap, kotoran, sawang dan sebagainya.
- ii) Semua cucian hendaklah menggunakan kaedah dan peralatan yang bersesuaian seperti penggunaan air, penggunaan mesin pacutan air bermotor / petrol sahaja, bahan kimia pembersihan dan sebagainya.
- iii) Penutup-penutup longkang (grating) hendaklah diletakkan dengan sempurna selepas ia diangkat bagi tujuan pembersihan longkang.
- iv) Longkang / parit hendaklah sentiasa kelihatan bersih, bebas daripada sampah yang tersekat terutama di bahagian bawah penutup longkang dan berfungsi dengan baik di mana air dapat mengalir.
- v) Mempastikan keadaan keseluruhan bangunan dan blok sentiasa bersih, bebas daripada sampah sarap, kotoran, sawang dan sebagainya.

- vi) Semua cucian hendaklah menggunakan kaedah dan peralatan yang bersesuaian seperti penggunaan air, penggunaan mesin pancutan air bermotor / petrol sahaja, bahan kimia pembersihan dan sebagainya.
- vii) Penutup-penutup longkang (Grating) hendaklah diletak dengan sempurna selepas ia diangkat bagi tujuan pembersihan longkang.
- viii) Longkang / parit hendaklah sentiasa kelihatan bersih, bebas daripada sampah yang tersekat terutama di bahagian bawah penutup longkang dan berfungsi dengan baik di mana air dapat mengalir.
- ix) Menyapu kakilima blok dan setiap tingkat.
- x) Menyapu dan membersihkan bumbung blok dan bangunan.
- xi) Pembersihan bangunan juga merangkumi unit-unit kedai dan pelbagai unit kemudahan yang lain seperti dewan orang ramai dan lain-lain.
- xii) Pembersihan awning, ruang udara, unjuran konkrit di tingkap (window silt), kakilima dan apron.

## 2.2 KEBERSIHAN KAWASAN LANDSKAP DAN BERUMPUT

- i) Mempastikan keadaan keseluruhan kawasan landskap dan berumput sentiasa bersih, bebas dari sampah sarap, kotoran dan barang buangan.
- i) Kontraktor dikehendaki menyediakan pasukan pekerja yang membuat rondaan dari masa ke semasa untuk mengaut sampah dan sebagainya.
- iii) Kontraktor hendaklah menyelenggara semua jenis tanaman yang sedia ada dari masa ke semasa dengan baik supaya ia hidup subur serta menceriakan dan mengindahkannya kawasan.
- iv) Mencabut rumput rampai, duri lalang dan lain-lain tumbuhan liar di sekitar kawasan tanaman apabila perlu.
- v) Mencantas tanaman apabila perlu atau diarahkan. Mencantas hanya boleh dilakukan setelah atau apabila tanaman telah tumbuh dengan subur dan berdaun lebat. Tanaman hiasan hendaklah dicantas apabila telah melebihi daripada bentuk yang sewajarnya atau mengganggu atau melilit tanaman lain.
- vi) Tanaman hendaklah dibajai apabila perlu. ***Baja hendaklah di sediakan sendiri oleh kontraktor.***
- vii) Tanaman yang tidak mendapat bekalan air secukupnya hendaklah disiram setiap hari mengikut kesesuaian. Kerja-kerja menyiram tidak boleh dilakukan pada waktu tengahari yang panas terik. Kekerapan menyiram bergantung pada cuaca.

### 2.3 PUNGUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH

- i) Kerja-kerja pungutan sampah dan pembuangan sampah hendaklah dilakukan pada **AWAL PAGI ATAU PADA MASA-MASA YANG SESUAI**.
- ii) Langkah-langkah hendaklah diambil agar sampah tidak bertaburan semasa kerja-kerja mengangkut atau pembuangan sampah dijalankan.
- iii) Kerja-kerja mengangkut tong sampah hendaklah dibuat dengan cermat agar tong sampah, dinding, lantai, simen, jalan dan sebagainya tidak rosak akibat dari pengendalian yang kasar dan sampah perlu dibuang ke tempat yang diiktiraf oleh Datuk Bandar.
- iv) Kontraktor hendaklah mengambil tanggungjawab supaya pengendalian pembuangan sampah dilakukan dengan cermat supaya tidak merosakkan tong-tong sampah.

### 2.4 PEMOTONGAN RUMPUT

- i) Kerja-kerja pemotongan hendaklah dijalankan dengan berhati-hati dan cermat agar tidak berlaku sebarang kemalangan kepada orang awam dan kerosakan harta benda.
- ii) Sebelum kerja-kerja pemotongan dijalankan kontraktor hendaklah memastikan pekerja-pekerja memungut batu-bata dan objek-objek keras di sekitar kawasan kerja dijalankan.
- iii) Rumput hendaklah dipotong mengikut pusingan yang ditetapkan.
- iv) Dalam kes-kes tertentu seperti lawatan-lawatan dan majlis-majlis rasmi, **DATUK BANDAR** boleh mengarahkan kontraktor menjalankan pemotongan rumput di luar pusingan yang telah ditetapkan.
- v) Penggunaan racun untuk menghapuskan rumput, lalang adalah **DILARANG KERAS** kerana ia melibatkan keselamatan orang awam terutama kepada kanak-kanak.

### 3.0 LAIN-LAIN TANGGUNGJAWAB PENENDER / KONTRAKTOR

Petender / kontraktor perlu juga mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memenuhi keperluan berikut:-

#### 3.1 TEMPOH KONTRAK

- i) Tempoh kontrak bagi kerja-kerja pembersihan ini ialah selama **tiga (3) Tahun** sahaja.
- ii) Walaubagaimanapun, Datuk Bandar berhak untuk menamatkan kontrak ini lebih awal dari tempoh kontrak sekiranya prestasi kontraktor tidak mencapai tahap yang memuaskan.

#### 3.2 MASA KERJA

- i) Masa bekerja ialah antara **jam 7.30 pagi hingga 4.30 petang**.
- ii) Kontraktor perlulah memastikan harga yang akan dimasukkan ke dalam Borang Tender termasuk kos harga untuk bayaran lebih masa yang diperlukan.
- ii) Jika terdapat sesuatu acara atau tugas yang melibatkan kerja pembersihan / penyelenggaraan di luar masa kerja yang ditetapkan (jika perlu), maka kontraktor perlulah bersedia pada bila-bila masa untuk melaksanakan kerja tersebut.

#### 3.3 HARI DAN WAKTU KERJA

Semua jenis kerja pembersihan hendaklah dijalankan pada setiap hari bekerja (**ISNIN hingga JUMAAT**) termasuk hari Sabtu, Ahad dan Cuti Umum seperti yang dinyatakan sehingga memuaskan hati **DATUK BANDAR**. Kontraktor hendaklah **memprogramkan sistem kerja** (dari segi waktu dan tenaga kerja yang terlibat) ke arah mengekal taraf kebersihan khususnya di kawasan yang menjadi tumpuan orang awam.

#### 3.4 TENAGA PEKERJA

- i) Kontraktor hendaklah menyediakan bilangan pekerja yang optima termasuk pekerja wanita sebagaimana yang dinyatakan dalam Senarai Keperluan Minimum di tapak.
- ii) Kontraktor hendaklah sentiasa memastikan bilangan pekerja yang cukup pada setiap masa setiap hari sebagaimana yang dinyatakan dalam tawaran. Sekiranya pekerjanya cuti, kontraktor perlu memaklumkan kepada Penyelia dan menggantikan dengan pekerja lain supaya bilangan pekerja yang ditetapkan tidak berkurangan dan kerja harian dapat diteruskan.
- iii) Denda potongan sebagai gantirugi berjumlah **RM 50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja)** sehari seorang akan dikenakan ke atas pekerja yang tidak hadir dan tiada pengganti.

- iv) Kontraktor hendaklah mengambil pekerja-pekerja mengikut undang-undang buruh yang berkuatkuasa.
- v) Kontraktor hendaklah menyediakan polisi Insurans Pampasan Pekerja dan Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ke atas pekerjanya.
- vi) Para pekerja hendaklah Warganegara Malaysia.

### 3.5 JADUAL KERJA

- i) Program Sistem Kerja adalah Jadual Kerja yang mengandungi cadangan kerja-kerja yang akan dijalankan secara **HARIAN, MINGGUAN, BULANAN** dan sebagainya dan kontraktor hendaklah berunding dengan Pengurusan Pejabat Cawangan Segambut yang berkenaan untuk melaksanakannya.
- ii) Jadual ini hendaklah di antara lain mengandungi maklumat mengenai **JENIS KERJA, WAKTU KERJA DIMULAKAN, TEMPOH DIJANGKA SIAP DAN BILANGAN PEKERJA** yang terlibat mengikut jenis-jenis kerja.

### 3.6 KAEDAH KERJA / 'METHOD OF STATEMENT'

Petender **MESTILAH** menyediakan Kaedah Kerja / 'Method of Statement' bagi kerja-kerja pembersihan keseluruhan dalam dan luar bangunan serta kawasan lanskap dan berumput seperti di **Lampiran 'G'**. Kegagalan kontraktor menyediakan perkara di atas boleh menyebabkan tawaran petender **DITOLAK**.

### 3.7 PEMBAYARAN

- i) Pembayaran kepada kontraktor akan dibuat secara **BULANAN** dan tertakluk kepada prestasi kerja yang memuaskan dan mengambilkira denda pemotongan yang boleh dikenakan sebagaimana di **Lampiran 'E' – Borang Penilaian Prestasi Kerja & Pemotongan Untuk Bayaran Kemajuan Bulanan**.
- ii) Pembayaran juga tertakluk kepada peraturan sistem kewangan yang sedang berjalan dan diamalkan oleh **Bendahari Bandaraya**.

### 3.8 PEMOTONGAN PEMBAYARAN

- i) P.P boleh atas budibicara membuat potongan secara bulanan selepas didapati oleh P.P yang kerja-kerja yang dijalankan adalah tidak sempurna, tertakluk kepada syarat-syarat bahawa pembayaran akan dilakukan setelah siap sepusingan dan mengikut kerja-kerja yang telah dijalankan sahaja.
- ii) Potongan Bayaran Bulanan akan dibuat melalui Borang Penilaian Prestasi Kerja & Pemotongan Untuk Bayaran Kemajuan Bulanan seperti di **Lampiran 'E'**.
- iii) Potongan juga akan dikenakan di atas pekerja yang tidak hadir sebagai gantirugi iaitu berjumlah **RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja)** sehari seorang berdasarkan Borang Kehadiran Pekerja seperti di **Lampiran 'E'**.
- iv) Selain itu, denda juga akan dikenakan jika didapati kontraktor tidak mengikut atau menjalankan kerja-kerja yang dinyatakan di dalam Skop kerja dan Spesifikasi / Penentuan Kerja. Denda ini akan ditolak daripada Jumlah Harga Kontrak dan Datuk Bandar berhak untuk menuntut daripada kontraktor. Denda penalty bagi setiap kesalahan tersebut adalah seperti berikut:-

**Pekerja/Kecekapan Pengurusan****Denda**

- |    |  |                    |
|----|--|--------------------|
| a. | Pekerja tidak beruniform   | RM10.00/orang/hari |
| b. | Bilangan pekerja tidak mencukupi   | RM50.00/bil/hari   |
| c. | Penyelia gagal hadir ke pejabat/laporan harian tidak diserahkan              | RM10.00/hari       |
| d. | Kecekapan dan keberkesanan menyelesaikan aduan perkhidmatan                  | RM50.00/aduan      |
| e. | Membiarkan kawasan yang diselenggarakan dipenuhi dengan Jentik-jentik Nyamuk | RM100.00/aduan     |

**Penyelenggaraan Am****Denda**

- |    |   |                        |
|----|---|------------------------|
| a. | Kawasan dalam/kawasan luar bangunan kotor                     | RM100.00/aduan         |
| b. | Plastik sampah tidak dikutip (melebihi satu hari)             | RM10.00/beg/lawatan    |
| c. | Rumput liar/semalu di kawasan luar bangunan tidak dimusnahkan | RM20.00/lokasi/lawatan |

**Penyelenggaraan Landskap & Berumput****Denda**

- |    |  |                        |
|----|--|------------------------|
| a. | Pokok layu dan mati kerana tidak disiram/dibaja                              | RM30.00/pokok/lawatan  |
| b. | Tidak mengambil tindakan terhadap pokok yang terkena serangan serangga/kulat | RM50.00/pokok/lawatan  |
| c. | Pangkal pokok tidak bersih dari rumpai/tidak digembur                        | RM20.00/pokok/lawatan  |
| d. | Batas komposis tidak bersih dari rumpai/tidak digembur                       | RM100.00/batas/lawatan |

### 3.9 KELENGKAPAN DAN PERALATAN

- i) Kecuali tong sampah yang disediakan oleh Datuk Bandar, kontraktor dikehendaki dengan perbelanjaan sendiri menyediakan / membekalkan semua tenaga pekerja berserta dengan kelengkapan, jentera kecil, peralatan dan pengangkutan yang diperlukan untuk membolehkan kontraktor menjalankan kerja-kerja di bawah kontrak ini dengan licin dan memuaskan.
- ii) Untuk memastikan kerja yang dijalankan tidak terkendala, kontraktor hendaklah sentiasa sedia dengan kelengkapan, jentera, peralatan dan pengangkutan yang sentiasa dalam keadaan baik dan boleh digunakan.
- iii) Kegagalan kontraktor menyediakan kelengkapan yang diminta seperti di **JADUAL PERALATAN PEKERJA** menyebabkan pemotongan bayaran perkhidmatan boleh dikenakan.

### 3.10 PENGAWASAN DAN PEMERIKSAAN KAWASAN (PENYELIA)

- i) Kontraktor hendaklah melantik seorang wakil yang berkelayakan membuat pemeriksaan dan penyeliaan sepenuh masa. Wakil tersebut mestilah seorang warganegara Malaysia.
- ii) Kontraktor atau wakilnya, apabila dikehendaki hadir di Pejabat Pengurusan untuk memberi laporan kemajuan kerja dan menerima arahan Datuk Bandar mengenai kerja.
- iii) Kontraktor adalah tertakluk kepada arahan untuk membuat pemeriksaan bersama untuk menilai mutu kerja.
- iii) Laporan pemeriksaan akan dicatit dalam Borang Penilaian Prestasi Kerja & Pemotongan Untuk Bayaran Kemajuan Bulanan seperti di **Lampiran 'E'** dan Borang Kehadiran Pekerja seperti **di Lampiran 'F'**, dan ditandatangani oleh Kontraktor dan Pegawai Penguasa, dan akan diambil kira dalam penilaian bulanan untuk tujuan pembayaran.

### 3.11 PENGGUNAAN AIR

Kontraktor hendaklah sentiasa **BERJIMAT** dalam penggunaan air dan **TANPA MEMBAZIR**. Urusan kerja-kerja pembersihan longkang dengan hanya membuka bekalan air supaya mengalir ke longkang adalah ditegah dan akan dikenakan denda yang sewajarnya. Jika air dibekalkan melalui bekalan yang bermeter, pihak kontraktor adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk membayar bil air yang berkenaan berdasarkan bacaan yang dibuat. Oleh itu pihak kontraktor hendaklah sentiasa memastikan sistem bekalan air supaya sentiasa selamat daripada gangguan pihak awam. Selain dari itu bekalan air yang bermeter yang tidak dijelaskan oleh kontraktor, pembayarannya akan dipotong melalui pembayaran bulanan kepada kontraktor.

### **3.12 LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN**

- i) Mempamerkan papantanda pemberitahuan tentang kerja-kerja pembersihan yang sedang dijalankan dan lantai yang basah serta licin dan sebagainya.
- ii) Meletakkan penghalang yang dibenarkan oleh jabatan di sekeliling kawasan kerja.
- iii) Mempastikan percikan air tidak terkena kepada orang awam atau harta benda yang berdekatan.

### **3.13 BAHAN-BAHAN KIMIA**

Bahan-bahan kimia yang akan digunakan mestilah tidak 'corrosive' dan tidak mengakibatkan kesan sampingan kepada pekerja dan orang awam.

### **3.14 HALANGAN DAN GANGGUAN**

Kontraktor atau pekerjanya hendaklah sentiasa memastikan tiada atau menyebabkan halangan dan gangguan kepada orang awam semasa menjalankan kerja-kerja di bawah kontrak ini.

**PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN  
PEJABAT CAWANGAN SEGAMBUT DAN DEWAN MASYARAKAT TAMAN SRI SEGAMBUT  
JABATAN PEMBANGUNAN KOMUNITI DAN KESEJAHTERAAN BANDAR  
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

**JADUAL SPESIFIKASI / PENENTUAN KERJA**

<b>PEJABAT CAWANGAN SEGAMBUT</b>					
<b>BIL</b>	<b>KETERANGAN KERJA</b>	<b>JENIS PELAKSANAAN KERJA</b>	<b>KEKERAPAN KERJA</b>	<b>PERALATAN UTAMA DIGUNAKAN</b>	<b>MUTU KERJA</b>
<b>A. KAWASAN KERJA DALAM BANGUNAN</b>					
1.	Skop kerja dalam kawasan lobi, lift, handrail, tangga dan lain-lain.	Menyental lantai dengan mesin (Scrubbing dan polishing)	1 kali sebulan	<i>Scrubbing machine, Buffing machine dan water jet. Getah paip. Penyapu.</i>	Bersih. Tiada sampah bertaburan. Lantai Berkilat dan tidak berlumut
		penyental. Menggosok / menyapu / mengemop lantai	2 kali sehari		
		Mengutip sampah.	2 kali sehari		
2.	Dinding konkrit, cermin, lantai, tiang dan siling di bahagian dalam bangunan.	Membuang segala habuk-habuk dan lumut dan sarang labah-labah.	2 kali sehari	Bahan pencuci bersesuaian, Alat-alat seperti penyapu, pengaut sampah dan lain-lain.	Bersih. Tiada kesan kotoran. Tiada habuk yang melekat.
		Menghilang sebarang kekotoran	2 kali sehari		
		Menyapu dan mencuci dinding konkrit dan cermin.	2 kali sehari		
3.	Semua bilik termasuk kaunter bayaran dan stor.	Kerja pembersihan	2 kali sehari	Scrubbing machine. Buffing machine. Mesin Vakum. Penyapu, pengaut sampah dan lain-lain.	Bersih dan kemas Tiada sampah bertaburan.
		Menyapu / mengemop	2 kali sehari		
		Vakum	2 kali seminggu		

**JADUAL SPESIFIKASI / PENENTUAN KERJA**

	Sambungan...	Menyental lantai dengan mesin penyental  Membuang sampah dari tong sampah.  Membersih dan mengelap meja, kerusi  Membersih dan mengelap tingkap	2 kali seminggu  2 kali sehari  2 kali sehari  2 kali seminggu		
--	--------------	---	--	--	--

**JADUAL SPESIFIKASI / PENENTUAN KERJA**

BIL	KETERANGAN KERJA	JENIS PELAKSANAAN KERJA	KEKERAPAN KERJA	PERALATAN UTAMA DIGUNAKAN	MUTU KERJA
<b>A.</b>	<b>KAWASAN KERJA DALAM BANGUNAN (samb.)</b>				
4.	Dinding dan tiang dalam bangunan	<p>Spot Mop Cleaning dan mengelap untuk 6 kaki ke bawah.</p> <p>Menghilangkan kotoran yang melekat</p> <p>Mencuci dan mengelap secara keseluruhan</p> <p>Membuang dan membersihkan sarang labah-labah/sawang</p>	<p>1 kali seminggu</p> <p>1 kali seminggu</p> <p>1 kali seminggu</p> <p>2 kali sebulan</p>	tangga	Bersih. Tiada kesan kotoran dan habuk.
5.	Ruang Tangga	<p>Mop Lantai, Menyapu dan membersihkan</p> <p>Mengumpul dan membuang sampah, habuk-habuk dan sawang.</p> <p>Membersihkan dinding dan sebarang kotoran melekat.</p> <p>Mengelap susur tangan (railing) tangga.</p> <p>Scrubbing dan polishing.</p>	<p>2 kali Setiap hari</p> <p>2 kali Setiap hari</p> <p>2 kali Setiap hari</p> <p>2 kali Setiap hari</p> <p>Sekali setiap 2 minggu</p>	<p>Mop, penyapu, mesin scrubbing polish.</p> <p>Polish.</p> <p>Pengaut sampah.</p>	Bersih Lantai tidak berminyak. Tiada kesan kotoran makanan

**JADUAL SPESIFIKASI / PENENTUAN KERJA**

BIL	KETERANGAN KERJA	JENIS PELAKSANAAN KERJA	KEKERAPAN KERJA	PERALATAN UTAMA DIGUNAKAN	MUTU KERJA
<b>A.</b>	<b>KAWASAN KERJA DALAM BANGUNAN (samb.)</b>				
6.	Ruang pembacaan buku, rak, kiosk / kaunter (jika ada)	Mengelap rak dan kerusi / meja.  Membuang habuk dan kekotoran  Membuang sampah	2 kali setiap sehari  2 kali Setiap hari  2 kali Setiap hari	Penyapu Tuala kecil Pengaut sampah Mop lantai Mesin vakum Plastik sampah	Bersih Tiada sampah
7.	Papan tanda di bahagian dalam bangunan	Mencuci, membuang habuk dan sawang serta membersihkan sebarang kotoran melekat pada papantanda.	1 kali seminggu	Tuala kecil Sabun	Tiada habuk atau sebarang kotoran yang melekat
8.	Ruang menunggu, ruang pameran dan ruang kerja.	Menyapu dan membersihkan  Menghilangkan sebarang kotoran melekat termasuk di tempat duduk dan lantai  Membuang sampah dari tong sampah.  Membuang habuk-habuk.  Mop lantai.  Scrubbing dan buffing.	2 kali sehari  2 kali sehari  2 kali sehari  2 kali sehari  <b>2 kali sebulan</b>	Mop Penyapu Mesin srubbing Polish Pengaut sampah Glass cleaner Sponge Wiper Tuala kecil Mesin vakum	Tiada kesan minyak atau kotoran. Tiada habuk. Tiada sampah bertabur. Berkilat.

**JADUAL SPESIFIKASI / PENENTUAN KERJA**

9.	Semua kawasan berkarpet	Membuang habuk dan kekotoran.  Vakum.  Mencuci karpet	2 kali sehari  2 kali seminggu  3 bulan sekali	Mesin vacuum Syampoo karpet Mesin pembasuh Mesin pengering	Tiada sampah Bersih dan kering
----	-------------------------	---	--	---	-----------------------------------

**JADUAL SPESIFIKASI / PENENTUAN KERJA**

BIL	KETERANGAN KERJA	JENIS PELAKSANAAN KERJA	KEKERAPAN KERJA	PERALATAN UTAMA DIGUNAKAN	MUTU KERJA
<b>A.</b>	<b>KAWASAN KERJA DALAM BANGUNAN (samb.)</b>				
10.	Kawasan Auditorium mini termasuk bilik audio visual	<p>Menyapu, membersihkan</p> <p>vakum</p> <p>Membersihkan dinding dan sebarang kotoran melekat</p> <p>Spot Mop Cleaning dan mengelap untuk 6 kaki ke bawah.</p> <p>Mencuci karpet</p> <p>Membuang dan membersihkan sarang labah-labah/sawang</p> <p>Membuang sampah dari tong sampah</p>	<p>2 kali sehari dan setiap kali sebelum / selepas auditorium mini digunakan</p> <p>2 kali seminggu</p> <p>1 kali seminggu dan setiap kali sebelum / selepas auditorium mini digunakan</p> <p>1 kali seminggu atau mengikut keperluan / arahan</p> <p>3 bulan sekali</p> <p>2 kali sebulan</p> <p>2 kali sehari</p>	<p>Mesin vacuum</p> <p>Syampoo karpet</p> <p>Mesin pembasuh</p> <p>Mesin pengering</p> <p>Penyapu</p> <p>Tuala kecil</p> <p>Pengaut sampah</p>	<p>Tiada sampah</p> <p>Bersih dan kering</p> <p>Tiada kesan minyak atau kotoran.</p> <p>Tiada habuk.</p>

**JADUAL SPESIFIKASI / PENENTUAN KERJA**

